


Jilid I
Bil. 4



Hari Khamis
26hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 257]**

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 281]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 327]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Sabah).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussin.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 26hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

SEMINAR PELABURAN MALAYSIA

1. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, semenjak Seminar Pelaburan Malaysia yang diadakan pada tahun 1975, sambutan positif yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing dan perkembangan yang selanjutnya; apakah tindakan Kerajaan telah ambil dalam mengukuhkan pembangunan bagi menentukan yang ianya terus maju.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, untuk jangkamasa 1976-1977 sejumlah 386 projek dengan pelaburan asing telah diluluskan di dalam sektor perkilangan. Dari segi pelaburan, jumlah modal ekuiti asing dalam 386 projek ini ialah \$222 juta. Sambutan positif yang diperolehi bukan hanya disebabkan oleh satu faktor sahaja seperti seminar pelaburan yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1975 tetapi juga dari rombongan-rombongan pelaburan yang dihantar keluar negeri serta aktiviti-aktiviti pesat Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan di Malaysia dan di luar negeri melalui pusat-pusat pelaburan seberang laut.

Untuk memastikan kejayaan yang berterusan dalam menarik pelaburan dari luar negeri dan juga dari dalam negeri ke sektor perkilangan, seminar-seminar di Malaysia dan juga di negara-negara yang mengeksport modal dan teknologi akan terus diadakan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pelaburan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi lebih \$222 juta dan perkilangan sebanyak 386 saya ingin tahu dengan jumlah sebanyak ini sejauh mana dapat dipastikan bahawa nikmat pelaburan ini dapat dirasai oleh kaum bumiputra dalam negara ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab dengan cara tepat tetapi umumnya ada kilang-kilang yang didirikan di Malaysia bermakna bertambah peluang-peluang kerja dan di antara pekerja-pekerja yang bekerja di dalam kilang-kilang ini sebahagian daripadanya terdiri daripada bumiputra.

Selain daripada itu kebanyakan daripada kilang-kilang yang diusahakan oleh pemodal-pemodal asing menerima pelabur-pelabur dari tempatan sebagai joint venture partners. Dan sebahagian daripada joint venture partners ini terdiri daripada bumiputra.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya betul atau tidak di dalam akhbar di luar negeri dan di dalam negeri dan juga percakapan-percakapan orang yang bukan bumiputra mengatakan iaitu oleh kerana adanya ICA ini maka pelabur-pelabur asing tidak mahu masuk ke dalam negeri ini, betul atau tidak.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di Amerika sendiri tidak ada ICA tetapi pelaburan juga berkurangan. Jadi, tidaklah benar ICA ini menjadi penghalang kepada pelaburan. Walaupun demikian, ada juga mereka yang tidak puas hati dengan ICA yang mungkin tidak melabur tetapi bilangan mereka ini amatlah berkurangan dan modal yang hendak dilabur oleh mereka adalah terlalu sedikit.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Di antara 386 projek seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dapatkah Majlis ini diberitahu, berapakah projek yang dipunyai oleh bumiputra?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, maklumat ini adalah maklumat yang tepat dan saya memerlukan notis untuk memberi jawapan kepadanya.

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA— PERLANTIKAN

2. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan sungguhpun Ahli-ahli Dewan Negara dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga oleh Negeri-negeri memegang jawatan tertinggi mengikut secara Demokrasi Berparlimen iaitu Ahli-ahli Dewan Undangan Tertinggi sekali di dalam tanahair kita tetapi mereka tidak diberi satu kewajipan atau tugas yang tetap selain daripada datang untuk menghadiri mesyuarat Dewan Negara dan sebagainya. Oleh sebab kita mencintai sistem Demokrasi Berparlimen dan Dewan Negara menjadi simbol untuk institusi Demokrasi Berparlimen di tanahair kita. Adakah apa-apa rancangan Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Hussein Onn untuk Ahli-ahli Dewan Negara di mana mereka dapat memberi sumbangan yang lebih kepada rakyat dan negara daripada apa yang mereka lakukan sekarang.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum. Adalah sukar bagi saya hendak mentafsirkan apakah yang dimaksudkan dengan "rancangan" di mana Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dapat memberi sumbangan yang lebih kepada rakyat dan negara daripada apa-apa yang dilakukan sekarang.

Kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai apa-apa maksud yang spesifik diharap dapat dikemukakan kepada Kerajaan.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa mengikut Perlembagaan Bab 44, kuasa legislative authority diberi kepada Parlimen. Parlimen ini dibahagikan kepada tiga peringkat, Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Senate yang mulia ini dan Dewan Rakyat, sungguhpun sumpreme legislative authority diberikan kepada Parlimen, executive power diberi kepada Menteri dan oleh kerana susunan seperti ini, Ahli-ahli Senate tidak dapat memberi apa-apa arahan atau hukuman yakni kita tidak boleh menyuruh pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjalankan sesuatu perkara yang sedang dihadapi dan dalam susunan-susunan ini juga pegawai-pegawai Kerajaan menerima arahan bukan daripada Ahli-ahli Parlimen atau Senator, mereka menerima arahan daripada Menteri. Kita cuma menerusi Menteri dan hal itu sampai ke tangan pegawai Kerajaan melalui Menteri. Dengan sebab itu, adakah Kerajaan ingin memberi apa-apa kuasa di mana Ahli-ahli Senate diberi peluang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi, masalah-masalah rakyat dan negara, jadi tidak payah buang masa 6 bulan atau satu tahun seperti pada masa sekarang, masalahnya bukan begitu senang diselesaikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan semasa mereka menerima sesuatu perkara daripada Senator-senator.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita sekarang. Sebenarnya kita membahagikan kuasa supaya tidak ada satu kumpulan yang begitu banyak kuasanya sehingga dia dapat menjalankan mengikut sesuka hatinya. Pembahagian kuasa ini adalah terbahagi kepada tiga pihak. Satu pihak Legislative iaitu mereka yang membuat undang-undang. Ini termasuklah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara. Mereka ini membuat undang-undang. Selepas undang-undang ini dibuat maka undang-undang ini akan dijalankan oleh pihak Executive yang menerima arahan daripada Kabinet yang dilantik pula daripada elected legislative dan nominated legislative officers. Selepas undang-undang ataupun aturan-aturan ini dijalankan, mungkin ada perasaan tidak puashati ataupun mana-mana pihak tersinggung maka kita mengadakan pula satu badan asing yang mengadili tiap-tiap satu teguran ataupun dakwaan yang dibuat oleh mana-mana pihak dan kuasa itu diberi kepada mahkamah. Kalau kita memberi kepada mereka yang membuat undang-undang kuasa untuk menjalankan undang-undang dan

mungkin kuasa juga untuk menjadi pengadil, maka masalah ini akan bertambah rumit kalau si hakim juga menjadi si pendakwa raya dan dia juga menjatuhkan hukuman gantung dan dia juga akan menggantung orang yang dia hukuman itu. Ini akan menjadi masalah kerana terlampau banyak kuasa.

Jadi pada masa ini kita tidaklah berhasrat untuk memberi kuasa Executive kepada Ahli Senate ataupun kepada Ahli Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun ada juga Ahli-ahli daripada Dewan Senate yang dipilih untuk menjadi anggota Kabinet dan apabila dia menjadi anggota Kabinet, maka berhaklah dia memberi arahan. Kalau Ahli Yang Berhormat bernasib baik, mungkin juga dia terpilih masuk dalam Kabinet.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, saya ingin membuat soalan tambahan ini secara ringan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas maksud soalan ini sekiranya kalau ada Ahli-ahli Senate itu bermaksud dengan satu tujuan, bolehlah dipertimbangkan. Ini saya hendak soal, dapatkah dipertimbangkan oleh Kerajaan sekiranya Ahli-ahli Senate ini menghendaki supaya mereka duduk di dalam Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah atau Jawatankuasa Tindakan Pembangunan pada peringkat daerah atau negeri supaya dapat menunjukkan kami Ahli-ahli Senate ini ada bekerja kepada rakyat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, asas pemberian tempat di dalam Majlis Tindakan Daerah ini ialah dengan kerana pegawai itu ataupun Wakil Rakyat itu mewakili secara dipilih oleh rakyat tempatan. Ahli-ahli Senate walaupun dipilih daripada orang-orang yang terkenal yang biasa berkhidmat dan mungkin juga bekas Wakil Rakyat tetapi tidaklah asas pemilihannya kepada pemilihan oleh rakyat. Oleh itu mereka tidak mewakili kehendak rakyat. Kemungkinan berlaku ialah rakyat tidak akan berpuashati kerana orang yang berada di dalam jawatan ini tidak sebenarnya dipilih oleh mereka tetapi berkuasa mempengaruhi keputusan-keputusan di dalam mesyuarat ini yang mana keputusan itu kalau tidak diper-setujui oleh rakyat, rakyat tidak berkuasa menjatuhkan orang itu seperti rakyat berkuasa menjatuhkan Wakil Rakyat.

SEKTOR PERTANIAN/INDUSTRI

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dirancangkan untuk menukar sektor pertanian kepada sektor industri sebagai satu cara menguatkan ekonomi negara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tiada berniat untuk menukar sektor pertanian kepada sektor industri kerana kedua-duanya dianggap penting dari segi pembangunan ekonomi negara pada keseluruhannya. Sektor pertanian adalah penting dari segi mengganti impot khususnya makanan, mendapatkan hasil wang tukaran asing dan mengadakan pekerjaan, manakala sektor perindustrian pula, dari segi pelbagaian ekonomi, hasil dari eksport dan juga dari segi mengadakan pekerjaan. Walaupun sumbangan sektor pertanian kepada KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) akan beransur-ansur kurang, menggambarkan kemajuan yang pesat dialami oleh sektor-sektor lain, sektor ini akan terus kekal sebagai sektor yang penting apabila daya pengeluaran bertambah dengan adanya proses pemodenan dan pelbagaian. Seperti yang dinyatakan di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga (RMK), sumbangan sektor pertanian, perhutanan, perikanan dan lain-lain lagi dijangka berkurangan daripada 32.1% bernilai \$3,432 juta dalam tahun 1970 kepada 19.7% dalam tahun 1990, tetapi nilainya meningkat kepada \$9,858 juta.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan telah berpuas hati dengan sektor pertanian yang berjalan sekarang? Kalau tidak puas hati, apa langkah yang sedang diambil untuk mencapai matlamat yang memberi faedah kepada peladang-peladang?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ini tidak pernah berpuashati dengan apa juga kejayaan yang dicapai olehnya. Sebab itu Kerajaan akan berusaha untuk menentukan supaya pengeluaran hasil pertanian kita menjadi lebih ekonomik.

Dalam perkara ini, ingin saya menjelaskan bahawa Kabinet baru-baru ini telah membentuk sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk menentukan Dasar Pertanian kita. Dan saya dilantik sebagai Pengerusinya. Tujuan kita ialah untuk menentukan apakah kita ingin

mengembangkan pertanian supaya kita tidak bergantung sama sekali berkenaan dengan punca makanan kepada negara-negara luar dengan mengeluarkan makanan dengan harga yang tinggi ataupun perlu kita tentukan bahawa harga yang murah adalah lebih penting dan membenarkan impot barang-barang makanan daripada luar untuk mengurangkan perbelanjaan consumers. Perkara ini belumlah ditentukan lagi dan akan ditentukan, saya harap dalam jangka masa 6 bulan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disoal oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad iaitu pertanian dengan perkilangan mestilah sama-sama dijalankan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat, ada atau tidak rancangan Kerajaan, kerana Kerajaan sekarang adalah berjiwa rakyat. Ada atau tidak rancangan Kerajaan supaya di dalam FELDA di mana orang-orang yang ditempatkan dirancangan itu mempunyai kira-kira 10 ekar seorang sahaja. Tetapi kilang itu kilang kelapa sawit untuk dijadikan minyak makan untuk diekspot yang ianya tidak dipunyai oleh mereka itu tetapi adalah dipunyai oleh Kerajaan. Jadi ada atau tidak supaya disatukan rancangan kelapa sawit di tanah 10 ekar itu dengan kilangnya sekali, dipunyai oleh peladang-peladang itu supaya pendapatan mereka dikilang dan juga diperkebunan mereka itu dapat dinikmati oleh mereka. Ada atau tidak rancangan seperti itu?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu tahu bahawa untuk menjadi pemilik atau pemegang saham dalam kilang, kita berkehendakkan modal. Sekarang ini mereka yang menyertai FELDA sedang membayar balik hutang mereka kepada Kerajaan kerana perbelanjaan permulaannya dibuat oleh Kerajaan. Dan oleh kerana potongan ini sudahpun menjadi jeritan daripada peserta FELDA iaitu Kerajaan memotong terlalu banyak wang yang sepatutnya pergi ke saku mereka.

Jadi kalaulah pula kita bebankan mereka dengan kilang untuk memproseskan kelapa sawit ini, kilang ini bukan boleh diberi dengan secara percuma kepada mereka. Mereka mestilah membeli saham di dalamnya dan bahagian mereka bergantung kepada banyak mana saham yang mereka boleh beli

dan saham ini mesti dibayar dengan wang mereka sendiri. Dan oleh itu mungkin terpaksa kita memotong perolehannya dan kemudian sehingga ianya tidak dapat apa-apa wang untuk belanja.

Selain daripada itu, setakat yang kita tahu nasib peserta-peserta FELDA adalah lebih baik daripada nasib orang-orang lain yang tidak dapat menjadi peserta FELDA. Dan kalau kita cuma memberi peluang kepada satu golongan sahaja, ini juga tidak merupakan satu keadilan. Sebab itu kita harus memikirkan sama ada kita akan memberi kepada satu golongan sahaja keuntungan daripada kilang-kilang ini ataupun kita memikirkan cara-cara lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah mengatakan iaitu saham ini akan diberi percuma kepada peserta. Ini tidak. Ini memang tidak ada dibuat walau di negeri komunis sekali mereka terpaksa bekerja betul-betul di ladang, barulah orang itu dapat makan. Yang hendak saya tanya begini, ada atau tidak iaitu Kerajaan pada suatu masa akan datang, oleh sebab peserta-peserta ini dengan tenaga mereka, dengan segala-galanya hendak menyiapkan tanah ini dan membawa ke kilang itu, jadi kilang itu pada suatu hari dibayarnya cara beransur-ansur saham-saham dibeli secara beransur maka kilang itu dipunyai oleh peserta-peserta yang duduk di dalam rancangan itu. Adakah rancangan Kerajaan sebegini? Saya hendak tahu ada atau tidak rancangan seperti itu kerana mereka tidak minta di tempat yang lain. Yang diminta itu ialah kilang yang di dalam rancangan itu sahaja. Ada atau tidak Kerajaan mempunyai ingatan atas rancangan seperti ini?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, umumnya Kerajaan berhajat untuk menjual kepada bumiputra khususnya semua saham-saham di dalam semua perniagaan yang sekarang ini di uruskan oleh Jabatan Kerajaan ataupun syarikat-syarikat perniagaan Kerajaan. Siapa yang akan dapat membeli saham-saham ini, belum dapat ditentukan di waktu ini, kerana seperti pengumuman yang telah saya buat, kita sedang mengkaji apakah kita harus memberi keuntungan kepada satu golongan sahaja ataupun kita akan membahagikan keuntungan itu kepada seberapa banyak yang boleh.

PERBICARAAN KES-KES DI MAHKAMAH

4. **Tuan T.S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa oleh sebab kekurangan Mahkamah-mahkamah, Majistret-majistret, Hakim-hakim dan Jurubahasa-jurubahasa; semua kes-kes termasuk kes trafik terpaksa ditangguhkan hingga lima atau enam tahun. Tidak dapatkah Kementerian berkenaan mengadakan perbicaraan dua kali sehari sepenuh masa iaitu bahagian pagi dan bahagian petang (two full sittings) untuk mengatasi masalah-masalah yang ada sekarang.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi kenyataan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa adalah tidak tepat bagi Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa terdapat kes-kes yang ditangguhkan sehingga lima atau enam tahun lamanya semata-mata oleh sebab kekurangan mahkamah, majistret, hakim-hakim dan jurubahasa.

Penangguhan sebenarnya perbicaraan kes-kes di mahkamah berpunca dari banyak sebab-sebab lain. Antaranya:

- (1) Permintaan yang menasabah daripada orang-orang yang dituduh atau peguamnya untuk menangguhkan perbicaraannya.
- (2) Permintaan daripada pegawai pendakwa untuk menangguhkan perbicarannya.
- (3) Kesukaran mendapatkan jurubahasa yang boleh bertutur di dalam bahasa atau loghat yang dituduh atau saksi-saksi.
- (4) Saksi-saksi tidak hadir atau tidak dapat hadir.
- (5) Saman tidak dapat diserahkan kepada saksi-saksi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya mahkamah menjalankan perbicaraan pagi dan petang, saya suka memberitahu di sini bahawa memanglah menjadi amalan mahkamah-mahkamah menetap dan menjalankan perbicaraan pagi dan petang. Ini amalan yang sudah dijalankan.

PELABURAN ASING KE MALAYSIA

5. **Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang dibuat dalam menarik pelaburan ke Malaysia dan sambutan oleh negara-negara Eropah yang beliau telah melawat dalam lawatan beliau baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah mempergiatkan usahanya untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara ini. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pihak LKPP telah menganjurkan beberapa rombongan galakan pelaburan yang utama ke negara-negara pengekspot modal seperti Amerika Syarikat, Negeri Jepun, Republik Persekutuan Jerman dan United Kingdom.

Hasil daripada beberapa rombongan pelaburan di luar negeri dan usaha-usaha galakan pejabat-pejabat LKPP di luar negeri, pelaburan asing dalam negara semakin meningkat dalam tahun-tahun berikutnya. Dalam tahun ini, sebagai misalan pertambahan dalam pelaburan asing ke dalam negara adalah yang paling besar. Ianya menunjukkan pertambahan yang berkesan dari apa yang terdapat dalam tahun 1977. Pelaburan modal asing yang dicadangkan dalam syarikat-syarikat yang telah diluluskan bagi tempoh Januari-Julai 1978, jika dibandingkan dengan masa yang sama dalam tahun 1977, menunjukkan satu tambahan yang besar sebanyak 122% iaitu dari \$39 juta hingga ke \$87 juta. Dari segi bilangan, projek-projek kepunyaan asing dan usahasama bertambah dari 20 dalam tahun 1977 kepada 41 dalam tempoh yang sama bagi tahun 1978, suatu tambahan yang lebih daripada 100%.

Hasil sepertimana yang dinyatakan tadi mencerminkan kejayaan rombongan-rombongan pelaburan dan usaha-usaha galakan LKPP.

Rombongan pelaburan ke Eropah pada bulan Mei, 1978 telah mengadakan seminar-seminar di bandar-bandar Birmingham (England), Frankfurt (Republik Persekutuan Jerman), Paris (Negeri Perancis) dan Copenhagen (Denmark). Sejumlah 358 orang

peserta-peserta telah menghadiri seminar-seminar tersebut dan di dalam perjumpaan-perjumpaan individu pula, wakil-wakil dari sekurang-kurangnya 75 buah syarikat telah

menemui ahli-ahli rombongan itu untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lanjut dan untuk membincangkan projek-projek tertentu.

Berkenaan dengan hasil positif daripada rombongan itu, Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa suatu cadangan pelaburan yang konkrit selalunya mengambil masa antara 6 hingga 12 bulan sebelum ianya dijalankan. Pihak-pihak yang berminat tidak akan menceburkan dirinya sehingga kesemua aspek-aspek projek yang dicadangkan itu telah diselidiki dengan teliti. Berkaitan dengan ini, saya ingin menekankan bahawa wakil-wakil dari 13 buah syarikat di Eropah telah melawat Malaysia baru-baru ini untuk meninjau kemungkinan menubuhkan kegiatan perkilangan mereka di sini. Butir-butir mengenai 13 buah syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Nama-nama Syarikat

Projek yang diminati

1. *Negeri Perancis*

- | | |
|--------------------------------|---|
| (i) Thomas Csf | "Ceramic" dan "Polyester capacitors" dan bahagian-bahagian letronik untuk radio dan TV (100% ekspot). |
| (ii) Seico Ltd. | "PVC conduits" untuk alat-alat elektrik. |
| (iii) Telemecanique | Alat-alat volta rendah (contractors, starters, relays, switches) (100% ekspot). |
| (iv) Creusot Loire | Tidak ada cadangan projek yang tertentu. |
| (v) Etablissements CAPY | "Elastic latex rubber bands" (100% ekspot). |
| (vi) Sodec Group | Penapisan dan "fractionation" minyak kelapa sawit. |

2. *United Kingdom*

- | | |
|--|---|
| (i) Silentnight Holdings | Memproses "coil fibre" untuk membuat tilam dan "bedding" (100% ekspot). |
| (ii) Q. Mark International Ltd. | Alat-alat ladang ternakan. |
| (iii) Bowthorp Emp. | "Heavy duty distribution lightning arrestors" (100% ekspot). |
| (iv) Marshall's Universal Ltd. | "Gaskets" untuk kereta dan alat-alat lampu kenderaan. |

3. *Jerman Barat*

- | | |
|-----------------------------|---|
| (i) Barakuda Bergann | "Inflatable boats" dan "plastic sailing boats". |
|-----------------------------|---|

4. *Scandinavia*

- | | |
|---|---|
| (i) Norsk Teknik Porselenfabrikk Norway | "High quality high tension porcelain insulators" (untuk pasaran tempatan dan ekspot). |
| (ii) Norcem Norway | Membuat simen (untuk pasaran tempatan). |

Selain daripada kumpulan-kumpulan penyelidikan tersebut di atas, kumpulan-kumpulan berikut akan melawat Malaysia pada akhir tahun ini:

- (i) "Confederation of the German Furniture and Wood-Working Industries" dari Republik Persekutuan Jerman; dan
- (ii) Satu kumpulan besar pengusaha-pengusaha Scandinavia.

Sebagai tambahan kepada lawatan-lawatan penyelidikan ini berbagai pertanyaan secara bertulis telah diterima daripada usahawan-usahawan di England, Negeri Perancis, Jerman Barat dan Negara-negara Scandinavia. Kesemuanya meminta maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia. Pihak L.K.P.P. sedang mengambil tindakan susulan yang sewajarnya mengenai pertanyaan-pertanyaan ini.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kebanyakan pelaburan ini boleh dikatakan terbahagi kepada empat iaitu Amerika, Jepun, Jerman Barat dan United Kingdom. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan di antara 20 pelaburan di masa yang lalu setakat tahun 1978 ini 41 pelaburan asing ada dalam negara kita. Saya suka bertanya daripada 41 pelaburan asing di tahun 1978 di negara kita sekarang, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini di antara empat raksaksa perniagaan dunia Amerika, Jepun, Jerman Barat dan United Kingdom ini, berapa pelaburan di antara satu-satu bangsa itu yang telah berjalan sekarang.

Dato' Lew Sip Hon: Minta maaf, saya tidak ada butir-butir tepat mengenai soalan ini, jika diberi notis, bolehlah saya hantar terus.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Kita sangat gembira atas usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan asing menanam modal dalam negeri ini. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu kenyataan yang membimbangkan rakyat negeri ini bahawa dengan banjirnya pelabur-pelabur asing dalam negeri ini satu ketika atau satu jangka panjang kelak bahawa ekonomi negeri ini akan dijajah oleh pelabur-pelabur luar negeri kepada negeri ini, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu rakyat dalam masalah ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, asas daripada menarik, menanam modal atau pelaburan dari luar negeri ialah:

- (i) Kita menggunakan teknologi dari luar negeri yang mana kita di dalam negara kita ini tidak ada teknologi.
- (ii) kita menggunakan bahan-bahan mentah yang dikeluarkan daripada negara kita supaya kita boleh buat buatan-buatan untuk eksport.

Pada masa sekarang pasaran di negara kita inipun telah mencukupi, jadi kita menggalakkan membuat buat-buatan perkilangan untuk diekspot. Kita hendak gunakan saluran eksport dan kedua-dua perkara yang penting yang mana kita menarik modal dari luar bukan sahaja kita hendak modal sahaja, modal saja ingat bukan menjadi masalah, tetapi ialah teknologi dan pasaran. Bergantung kepada kedua-dua faktor ini kita menggalakkan pelaburan dari negeri asing, dan satu lagi dasar pelaburan negeri asing kalau barang itu dibuat untuk pasaran di Malaysia equitynya mesti 100% Malaysians, kalau digunakan hasil daripada Malaysia seperti perlombongan dan apa yang dibuat daripada hasil bumi atau natural resources, mineral resources, ini cuma 30% equitynya terhadap rakyat kepada negeri asing, 70% Malaysia. Tetapi kalau barang-barang itu dibuat 100% untuk diekspot, equity structure ini boleh dikatakan flexible, kita boleh bagi sampai 100% equity dari eksport. Lazimnya dasar ini tidak menjejaskan dasar yang mana pada tahun 1990 equity syarikat-syarikat ini mesti dibahagikan supaya rakyat Malaysia dapat 70% dan rakyat negeri asing 30%.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan saya berkaitan dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Kita sangat berpuas hati bahawa apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi cuma kita sedar bahawa di Malaysia ini kurang tenaga mahir (pekerja mahir), ahli-ahli professional di dalam bidang kilang ini. Adakah Kerajaan hendak mengambil ahli-ahli professional atau tenaga mahir ini daripada negeri-negeri itu atau ada disyaratkan kepada kilang-kilang itu supaya melatih anak warganegara ini dalam bidang ini pada satu ketika kelak bahawa usaha-usaha kita ini dapat dibuat dan dikerjakan oleh rakyat kita.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan memberi satu dua atau sampai tiga orang dalam peringkat tinggi kepada syarikat yang ingin menanam

modal di sini, tetapi satu syarat yang penting yang letak beri apabila permohonan itu diluluskan ialah syarikat ini mesti menggunakan rakyat Malaysia dalam semua peringkat khususnya dalam peringkat pengurusan dan juga iktisas. Apabila syarikat-syarikat itu tidak boleh dapat rakyat Malaysia yang mahir, langkah-langkah mesti diambil untuk menghantar rakyat Malaysia ini ke mana-mana tempat untuk latihan supaya pada akhirnya jawatan-jawatan yang penting ini boleh diambilalih oleh rakyat Malaysia.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan. Saya hendak bertanya adakah betul satu daripada sebab-sebab yang pelabur daripada luar negeri, terutama sekali dari Eropah masa saya jadi sebagai seorang daripada ahli trade mission di Eropah satu orang Jerman di Hamburg telah bertanya kepada saya, katanya, negeri kita, Perak di Malaysia ini sudah penuh dengan kominis, sudah hendak sampai ke Ipoh. Jadi orang-orang Jerman sana tidak tahu apa-apa mereka takut hendak masuk ke sini, maklumkan kalau kominis datang, segala faktornya akan dirampas oleh kominis, dengan sebab itu mereka sudah takut. Ini disebabkan orang kita juga, dia ada faktor-kilang papan dan dia tidak dapat supply papan ini ke Jerman Barat oleh kerana harga papan sudah naik, dia buat agreement 3 tahun dengan orang Jerman. katanya: saya tidak boleh penuhkan agreement saya ini oleh kerana kominis sudah sampai dekat-dekat Ipoh. Cara beginilah orang-orang Jerman tidak tahu, mereka tahu peperangan Vietnam. Laos-Kemboja, kemudian mengikut domino theory Thailand akan jatuh, Malaysia akan jatuh, jadi dia takut hendak menanam modal di sini, sebab satu step lagi Malaysia akan jatuh ke tangan komunis. Dengan sebab itu ada atau tidak pihak kita memberi penerangan yang seluas-luasnya kepada orang-orang Eropah bahawa kominis tidak akan bertapak di sini. Kita akan jamin bahawa orang kita adalah anti-kominis, modal yang ditanam akan selamat, akan dirampas balik, itu yang ditakutinya. Adakah perkara ini diberi penerangan—itu yang pertama.

Kedua, ada atau tidak diberi penerangan kepada orang-orang di sana satu daripadanya mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri

lebih maklum iaitu di Taiwan misalnya, buruh di sana lebih mahal lagi gajinya daripada kita di sini, dia dapat \$10 satu hari, di Singapura harga buruh pun sudah naik, dengan sebab itu di sini sahaja murah. Jadi kita hendaklah memberi penerangan di atas perkara buruh ini kepada orang-orang di sana supaya mereka boleh datang ke mari melaburkan wangnya.

Ketiga, ada atau tidak trade missions kita di tiap-tiap negeri di Eropah bukan sahaja di Eropah tetapi juga di seluruh dunia ini ada trade mission kita. Mereka duduk sahaja di Kedutaan kita menanti orang datang. Ini yang kebanyakan dibuat oleh Trade Commissioners kita. Kalau tadah tangan, nanti sahaja, tentu takkan datang. Jadi ada atau tidak Trade Commissioners kita diarah oleh Kementerian ini untuk menjelajah di seluruh Jerman memanggil orang-orang yang hendak melabur, diberi penerangan dan sebagainya, adakah dibuat begitu di seluruh dunia ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang selalu memberi penerangan seberapa lanjut yang boleh atau seberapa comprehensive yang boleh atas iklim pelaburan di negara kita Malaysia ini termasuk hal ehwal keselamatan. Jadi kalau ada bakal investor di Hamburg atau di mana-mana tempat mengatakan Malaysia ialah sebuah negara yang tidak berapa stabil keadaan politiknya, ini barangkali dia baca lapuran yang palsu yang memang ada di dalam circulation di merata-rata tempat seperti saya pun ada dengar ketika saya ke Amerika, orang kata: Awak datang dari Malaysia, orang Malaysia duduk atas pokok. Saya kata: Tidak, awak datang ke Malaysia, boleh tengok; kita pun ada skyscrapers tetapi bukan tinggi macam New York tetapi ada juga skyscrapers. Jadi inilah satu kekeliruan (confusion) di atas orang-orang yang tidak berapa faham, tidak berapa tahu. Jadi

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Untuk penjelasan. Ini bukannya datang dari pada surat sebaran tetapi ini datangnya orang kita sendiri, orang kita yang ada di Ipoh. Saya sudah terangkan juga dalam Dewan ini dahulu, orang ini yang pergi ke Jerman Barat mengatakan begini, sebab saya terangkan tadi, dia tidak dapat memenuhi janjinya maka dikatanya begitu.

Dato' Lew Sip Hon: Ini cuma dijadikan sebagai satu sebab untuk tarik diri daripada kontrek itu. Sebab itu saya kata Kementerian saya dari masa ke masa hantar rombongan perdagangan yang mana Yang Berhormat kata tadi beliau pun ada menyertai dalam rombongan ini dan apabila kita ada rombongan ini, kita dapat peluang bertemu dengan investors di luar negeri untuk memberi penjelasan dan kenyataan yang lebih comprehensive dan juga kita Pesuruhjaya Perdagangan (Trade Commission) di berbagai negeri di luar negeri di luar negeri yang mana tugas mereka bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi cuma duduk di Pejabat menunggu orang datang. Saya ingat tugas Trade Commissioners itu ialah sangat sebek untuk memberi maklumat-maklumat mengenai keadaan-keadaan di Malaysia, mengenai peluang perdagangan dan juga peluang pelaburan. Dengan ini kita boleh mengatasi apa-apa salah faham yang timbul di luar negeri.

Kita pun dari satu masa ke satu masa ada satu mesyuarat yang mana kita panggil Trade Commissioners itu balik ke negara kita ini yang mana kita beri maklumat-maklumat yang lebih up-to-date dan satu persidangan semua Pesuruhjaya Perdagangan akan diadakan pada bulan depan yang mana semua Trade Commissioners akan dipanggil balik menghadiri satu conference, barangkali kita boleh jemput Ahli-ahli Yang Berhormat berjumpa dengan Trade Commissioners itu berbual dengan mereka dan beritahu apa yang patut dibuat oleh Trade Commissioners kami di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik soalan No. 6 ini sebab sudah dijawab.

(Soalan No. 6 ditarik balik).

LAPANGAN TERBANG TELAGA BATIN, KUALA TRENGGANU

7. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah projek meluaskan lapangan terbang di Telaga Batin, Kuala

Trengganu akan dimulakan; sebab kelewatan dalam melaksanakan projek ini; dan adakah projek asal akan diteruskan atau ianya akan dikaji semula memandangkan Negeri Trengganu sebagai sebuah negeri pengeluar minyak.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Lapangan terbang Kuala Trengganu sedang diperluaskan dan kemudahan-kemudahan ditambah seperti berikut:

- (1) pembinaan apron baru dan taxi-way;
- (2) membaiki bekalan air;
- (3) mendirikan bangunan terminal, stesyen bomba, rumah kakitangan dan pada pelancaran boat penyelamat.

Kerja-kerja sedang dijalankan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya bahagian yang akhir itu nampaknya tidak berjawab. Berkenaan dengan projek yang dijalankan sekarang ini adakah berdasarkan pelan asal ataupun hak yang baru dan pelan yang dibuat itu adakah semasa negeri Trengganu menjumpai minyak atau belum. Saya hendak tahu kerana perubahan lapangan terbang ini dibuat kalau mengikut apa yang saya difahamkan ialah semasa negeri Trengganu belum lagi menjumpai minyak. Kalau sekiranya negeri Trengganu sudah menjumpai minyak, adakah lapangan terbang yang dipinda ini berdasarkan jangka panjang atau jangka pendek. Kalau sekiranya jangka panjang tentulah maknanya lapangan terbang itu akan boleh menurunkan kapal terbang-kapal terbang yang besar untuk kepentingan minyak. Jadi, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai lapangan terbang yang baru yang hendak dibuat ini, mana lebih besar daripada lapangan terbang Senai di Johor atau daripada Bayan Lepas di Pulau Pinang ataupun lebih kecil, akhirnya akan dibuat sekali lagi bagi menyesuaikan dengan negeri Trengganu yang mengeluarkan minyak.

Dr Goh Cheng Tek: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diluluskan untuk projek ini telah berlaku apabila Rancangan Malaysia Ketiga diselesaikan dan malangnya tidak ada peruntukan untuk memanjangkan runway di Lapangan Terbang Telaga Batin, Kuala Trengganu. Walau bagaimanapun, Jabatan

Penerbangan Awam telah membuat satu rayuan kepada Perbendaharaan di pihak-pihak yang lain dalam Kerajaan supaya runway itu diperbesarkan tetapi sehingga hari ini belum dapat kelulusan.

MARDEC—PENSTABILAN HARGA GETAH

8. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan :

- (a) Sejauh manakah pihak MARDEC telah menjalankan tugas-tugasnya dengan jaya untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil getah dari segi hasil keluaran; dan
- (b) sama ada pihak MARDEC akan berusaha menyelaraskan harga getah supaya kestabilan hasilnya akan menguntungkan mereka.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan ini di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pada 20hb April, 1978 di mana saya telah memberikan kedudukan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun, saya sukacita menjawab soalan ini dengan ringkas dengan memberi maklumat-maklumat yang baharu mengenai kedudukan MARDEC ini.

(a) MARDEC telah mencapai beberapa kejayaan dalam menjalankan tugasnya untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil getah dari segi hasil keluaran. MARDEC adalah diwujudkan untuk berkhidmat kepada pekebun-pekebun kecil dengan memodenkan pemrosesan dan pemasaran getah pekebun kecil dan bertujuan memberikan harga yang baik untuk getah mereka. MARDEC telah dapat meninggikan mutu pengeluaran getah pekebun kecil dari getah keping mutu rendah kepada getah mutu teknikal atau Technically Specified Rubber (TSR). Ia juga dapat mengadakan saluran pemasaran getah pekebun kecil selain dari pihak-pihak orang tengah. Saluran ini akan memendekkan rantaian pemasaran yang sekian lama terdapat di negara kita. Kedua-dua usaha tersebut akan meninggikan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil dengan memberi harga yang lebih lumayan dan membawa ke arah masa depan yang terjamin.

Dalam aspek mengembang dan menambah pengeluaran getah yang bermutu dalam bentuk (TSR) MARDEC menumpukan perkhidmatannya kepada sektor pekebun kecil yang mengeluarkan 58 peratus dari jumlah pengeluaran negara, di samping peranan dan tanggungjawab mengekalkan kedudukan negara sebagai pengeluar getah asli yang terkemuka. Getah TSR ini adalah dikeluarkan kerana ia mengandungi sifat-sifat yang penting seperti mempunyai bahan mentah yang lebih baik yang disesuaikan dengan kehendak-kehendak pengguna.

Dari segi cara pemasaran getah pekebun kecil, MARDEC telah dapat memendekkan rantai pasaran yang akibatnya mengurangkan kos kepada pekebun kecil. Getah yang dibeli terus dari pekebun kecil diproses kepada getah mutu teknikal dan diekspot terus kepada pengguna di seluruh dunia. Langkah ini bukan sahaja akan menambah pendapatan pekebun kecil, bahkan akan menambah hasil pengeluaran wang luar negara (foreign exchange) yang berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit.

Dari segi pengeluaran dan pemasaran pula sejak MARDEC ditubuhkan dalam tahun 1971, pengeluaran tahunan telah bertambah. Setakat ini MARDEC mempunyai 15 kilang yang secara langsung mengeluarkan 20 peratus dari hasil pekebun kecil. Jumlah bilangan pekebun kecil yang mendapat perkhidmatan terus dari MARDEC adalah seramai 120,000. Secara tidak langsung pula MARDEC memberi faedah kepada lebih daripada 50 peratus pekebun kecil oleh kerana persaingan harga yang dapat diberikan oleh MARDEC.

(b) Untuk menjawab soalan (b), sebagai mana yang saya telah jelaskan, melalui persaingan yang diberikan kepada peniaga-peniaga getah swasta dan melalui penambahbaikan kualiti getah yang diproseskan, MARDEC sentiasa berusaha supaya harga yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil adalah berpatutan. Bagi menetapkan harga yang dibayar kepada pekebun-pekebun kecil, MARDEC terpaksa menolak kos pengeluaran getah yang bermutu tinggi itu.

Di samping itu MARDEC sentiasa berusaha mengurangkan kos operasinya supaya ia dapat memberi harga yang lebih kepada getah yang dibeli daripada pekebun-pekebun kecil. Oleh itu MARDEC telah diarahkan untuk mengkonsolidasikan operasinya sejak tahun 1976 hinggalah sekarang ini.

Di sini sukacita saya nyatakan bahawa kita telah berjaya memperkukuhkan kedudukan MARDEC supaya operasinya tidak mengkaji. Dengan demikian, saya berharap pekebun-pekebun kecil akan memberi segala sokongan yang boleh kepada MARDEC supaya ia mencapai tujuannya.

YUNIT PEMBEDAHAN JANTUNG (CARDIAC SURGERY) DI UNIVERSITI HOSPITAL

9. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengkaji supaya satu unit Pembedahan Jantung (Cardiac Surgery) diadakan di Universiti Hospital untuk memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak yang mengidap sakit jantung dan terpaksa membelanjakan banyak wang untuk mendapat rawatan di luar negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, satu unit Pembedahan Jantung (Cardiac Surgery) telahpun ada di Hospital Universiti semenjak 1971.

Jumlah angka pembedahan yang telah dilakukan oleh klinik tersebut semenjak tahun 1971 hingga 14-10-78 adalah seperti berikut:

Close heart operation	478
Open heart operation	249

DOKTOR BUMIPUTRA DALAM HOSPITAL KERAJAAN

10. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan mulai tahun 1976, berapa banyak doktor Bumiputra yang berkhidmat dalam Hospital Kerajaan yang keluar dari Universiti Malaya dan lain-lain dengan menyatakan juga bilangan dari bangsa-bangsa lain. Sebutkan juga berapa banyak doktor luar negeri yang berkhidmat dalam Malaysia dan adakah mencukupi bilangan doktor di masa sekarang ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dari tahun 1976 hingga ke masa ini, sejumlah 109 orang doktor bumiputra yang berkelulusan dari Universiti Malaya dan seramai 102 orang lagi yang berkelulusan dari Universiti-universiti luar negeri telah berkhidmat di bawah

Kementerian Kesihatan. Di samping itu, seramai 361 orang doktor bukan bumiputra lulusan dari Universiti Malaya dan seramai 962 orang lagi yang berkelulusan dari Universiti luar negeri turut berkhidmat di Kementerian ini.

Bilangan doktor-doktor dari luar negeri pula yang bertugas di Kementerian Kesihatan pada masa ini ialah 214 orang. Jumlah keseluruhannya bagi doktor-doktor yang berkhidmat di Kementerian ini sekarang adalah didapati tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, adalah dijangka bahawa kekurangan tersebut sedikit sebanyaknya akan dapat diatasi dengan adanya graduan-graduan yang keluar dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan mulai dari tahun hadapan dan juga melalui pengambilan doktor-doktor dari luar negeri secara kontrak dengan adanya perjanjian antara Kerajaan dengan Kerajaan.

PEMBORONG BUMIPUTRA

11. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pemborong-pemborong Bumiputra sukar untuk mendapatkan bahan-bahan bangunan seperti simen dan besi dan oleh yang demikian mengakibatkan kelewatan menyempurnakan projek-projek yang sedang dijalankan jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa ada pegawai-pegawai yang berpakat dengan pemborong-pemborong bukan Bumiputra untuk membolot kerja-kerja kontrak dengan menggunakan nama kontraktor Bumiputra.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa oleh sebab-sebab yang tertentu dari semasa ke semasa terdapat kekurangan bahan-bahan binaan tertentu seperti simen, besi dan lain-lain lagi. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh Pemborong-pemborong Bumiputra tetapi juga oleh pemborong-pemborong yang lain. Kerajaan adalah sentiasa mengawasi keadaan ini dan akan mengambil tindakan yang diperlukan. Dalam pada itu pemborong-pemborong berkenaan mestilah membawa masalah itu kepada

pihak JKR untuk disiasat. Pihak JKR akan memberi pertimbangan sewajarnya jika pemborong-pemborong benar-benar menghadapi kesulitan untuk mendapatkan bahan-bahan.

Mengenai soalan (b), apa yang saya tahu, tidak ada pegawai-pegawai yang telah berpakat dengan pemborong-pemborong bukan Bumiputra untuk membolot kerja-kerja kontrak dengan menggunakan nama kontraktor Bumiputra. Apa yang ada berlaku ialah pemborong-pemborong bukan Bumiputra ada membuat usaha bersama (joint-venture) dengan pemborong-pemborong Bumiputra. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu ada kes-kes tertentu tentang perkara seperti ini Ahli Yang Berhormat bolehlah melapurkan kepada Kementerian saya atau kepada pihak berkuasa tertentu supaya siasatan dan tindakan sewajarnya diambil.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamad Yasin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua terhadap soalan (a). Saya difahamkan bahawa bagi mereka yang hendak membeli simen daripada kilang pengeluaran simen di Ipoh terpaksa menunggu mengikut giliran, kadang-kadang sampai 5-6 jam lori itu menunggu gilirannya. Dapatkah Yang Berhormat Menteri mengesahkan perkara ini, dan jika jawapannya ya, apakah langkah-langkah yang hendak diaturkan bagi menjamin yang pengeluaran simen di negara kita ini mencukupi.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang lain dan juga perkara ini dikawal oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya fikir kalau diberi notis kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jawapan yang lengkap akan diberi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamad Yasin: Soalan tambahan Soalan ini bukannya tak ada kaitan dengan soalan asal, kerana ini masalah bumiputra juga yang menjadi sebahagian daripada kontraktor yang menggunakan simen. Jadi kalau masalah bumiputra ini timbul, serupa juga masalah mana-mana kontraktor ini ada kaitannya.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju ada berkaitan tetapi asas pokoknya berlainan dan juga saya

sudah katakan tadi iaitu berkenaan butir-butir kawalan menjual simen adalah di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya fikir lebih sesuai kalau pertanyaan ini dirujuk kepada Menteri yang berkenaan dan jawapannya yang lebih lengkap akan diberi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tadi apabila soalan yang pertama timbul, kerja-kerja di dalam JKR ini banyak yang tergendala oleh kerana kekurangan besi pada hari ini dan juga pada satu masa dahulu kekurangan simen. Ini tak dapat dinafikan. Ini perkara yang benar. Apa yang saya hendak bertanya, bolehkah atau tidak Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, apabila kontraktor Melayu, China atau India mengalami kekurangan simen ataupun besi, kontraktor yang mengerjakan projek-projek Kerajaan supaya jangan tergendala projek-projek Kerajaan, bangunan-bangunan Kerajaan, misalnya jambatan dan lain-lain itu tergendala dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Maka boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan supaya diberi keistimewaan benar-benar kepada kontraktor-kontraktor itu supaya mendapat bekalan simen dan besi.

Yang Berhormat Menteri tentu lebih maklum iaitu pada hari ini pengeluaran besi daripada kilang-kilang besi Malayawata, Dai Yong, Sung Seng dan kilang-kilang yang lain yang dikatakan kilang-kilang kecil ini tidak boleh mencukupi langsung dengan pembangunan yang ada sekarang. Dengan sebab itu—ini kebenarannya iaitu Malayawata pada hari ini diberi lesen mengimpor besi daripada luar negeri. Saya mendapat tahu iaitu lebih kurang 26,000 tan diberi kepada kilang-kilang ini untuk mengimpor besi daripada luar negeri. Jadi ini kekurangan besi betul-betul, boleh atau tidak, sungguhpun berkenaan impot besi ini di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tetapi yang saya berkehendakkan jaminan supaya projek-projek Kerajaan, bangunan-bangunan Kerajaan jangan tergendala dan kontraktor-kontraktor baik apa bangsa sekalipun mendapat jaminan membeli besi dan simen dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah jawab soalan itu, iaitu kekurangan memang berlaku dari

semasa ke semasa dengan sebab-sebab yang tertentu dan kalau ada perkara seperti itu berlaku, saya jemput pemborong-pemborong berhubung dengan Kementerian saya supaya kami dapat mencari jalan mengatasi kekurangan itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke Bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima." (25hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad menyambung ucapannya, saya ingin mengingatkan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa hari ini ialah hari yang penghabisan yang diutangkan bagi membacakan Titah Ucapan Di Raja dan pada hari esok Yang Berhormat Menteri-menteri pula akan menjawab. Dengan demikian, saya minta dan merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap supaya meringkaskan ucapan dan kalau boleh tidak lebih 15 minit seorang, supaya ramai lagi Ahli Yang Berhormat berpeluang untuk berucap. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi kerjasama.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim.

3.39 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya semalam. Saya menyentuh masalah pemilikan tanah oleh bumiputra mengikut Kanun Tanah Negara, Akta 56 tahun 1965 di bawah Fasal 43 kesemua orang boleh memiliki tanah di dalam negara Malaysia ini apakala mereka telah cukup umur samada mereka rakyat Malaysia ataupun tidak. Maka terbit daripada kebenaran yang begitu meluas sedangkan tidak ada sekatan, ini akan timbul beberapa masalah. Satu daripada ialah tanah-tanah di Malaysia ini menjadi rebutan orang-orang asing untuk memilikinya sama ada dengan jalan membeli, memberi dan sebagainya. Pada hal kebanyakan negara-negara di dalam dunia ini melarang pemilikan tanah selain daripada rakyatnya sendiri, bahkan negeri seumpama Arab Saudi sekalipun adalah melarang orang-orang Islam yang lain yang datang ke negeri itu untuk memiliki tanah.

Menurut laporan terakhir menyatakan lebih daripada separuh daripada tanah-tanah di dalam kawasan Bandar Johor Bahru dimiliki oleh orang-orang yang bukan warganegara Malaysia yang datang daripada Hong Kong, Taiwan, Singapura dan lain-lain.

Yang kedua, dengan adanya syarat itu telah memberi peluang kepada bumiputra untuk menjualkan tanah kepunyaannya selain daripada kawasan rezab Melayu kepada orang-orang yang bukan bumiputra sebagaimana yang kita tahu tanah-tanah yang direzabkan kepada orang Melayu adalah terlampau sedikit. Menurut bancian maka hanyalah sebanyak 4% sahaja daripada jumlah besar luasnya tanah di dalam Semenanjung Malaysia ini diutukkan kepada rezab Melayu. Jadi dengan adanya syarat itu banyakkah tanah-tanah kepunyaan bumiputra telah dijual kepada orang-orang yang bukan bumiputra.

Di dalam pembukaan bandar-bandar baharu yang diusahakan oleh Kerajaan kita samada di Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan lain-lain, maka untuk memelihara Dasar Ekonomi Baru itu banyakkah lot-lot tanah untuk kediaman atau kedai perniagaan diberi kepada kaum bumiputra. Tetapi dengan adanya kelulusan Fasal 43 di dalam Kanun Tanah Negara itu, mungkin kaum bumiputra yang telah tercicir

dan berada di dalam ekonomi yang tenat itu akan menjualkan pula tanah-tanah itu kepada bukan bumiputra. Jika berlaku begitu, Tuan Yang di-Pertua, maka bandar-bandar baru itu akan bertukar wajahlah pula menjadi seperti bandar-bandar Ipoh, Seremban, dan lain-lain bandar-bandar yang kosong daripada kaum bumiputra. Kiranya Kerajaan Persekutuan yang berjiwa rakyat ada di dalam pemikirannya hendak menyelamatkan bumiputra yang jauh ketinggalan di dalam ekonomi itu supaya mereka mahu menikmati tanah-tanah yang diberi oleh Kerajaan di bandar-bandar baharu itu patutlah bersatu-padu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri membuat keputusan, iaitu tiap-tiap keterangan milik yang diberikan kepada kaum bumiputra itu hendaklah ditetapkan satu syarat khas di dalamnya bahawa tanah itu tidak boleh dipindah milik atau disewakan kepada bukan bumiputra sesuai dengan Fasal 124 Kanun Tanah Negara. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua ketahui keterangan-keterangan tanah baharu yang diluluskan itu adalah merupakan lease bukannya merupakan geran dan lease itu adalah berumur di antara 30 tahun dan 90 tahun sahaja. Sekiranya syarat-syarat yang tersebut diletakkan di dalam lease yang berumur 30 tahun bermaknalah selama 30 tahun tanah itu tidak boleh dipindah memilik kepada orang yang bukan bumiputra.

Di dalam masalah pertanian, kita melihat dasar yang tidak tetap ataupun dasar yang berubah-ubah yang diamalkan oleh Kerajaan kita. Baharu-baharu ini sahaja pihak Kerajaan menggubal satu dasar pertanian negara dengan melantik sebuah jawatankuasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan ini tadi iaitu beliau sendiri menjadi Pengerusinya untuk membuat dasar-dasar baharu. Tetapi kita lihat di dalam negara kita selama-lamanya kita dalam masalah asas makanan di dalam negara kita tidaklah begitu sekali dititikberatkan oleh Kerajaan seumpama beras dan gula. Kita masih berhajat bantuan dari negara-negara luar. Tetapi sebaliknya, tanaman-tanaman yang menjadi perniagaan seumpama getah, kelapa sawit dan sebagainya ini sangat-sangatlah dititikberatkan dan diberi bantuan dengan sepenuh-penuhnya oleh pihak Kerajaan. Padahal kalau sekiranya kita menyelidiki, kita dapati tanah-tanah persawahan ataupun tanah-tanah yang boleh ditanam

padi bukan sedikit terbiar sahaja di negeri-negeri seumpama Pahang dan Johor dan sebagainya. Begitu juga tanah-tanah untuk bertanam tebu bagi memenuhi keperluan rakyat berapa banyak yang sangat sesuai boleh didapati di Sabah dan Sarawak. Tetapi oleh kerana dasar-dasar yang seumpama itu tidak ditetapkan maka itulah sebabnya walaupun kita telah merdeka selama 21 tahun tetapi masih lagi kita kekurangan padi, dan kita juga bergantung beras dan gula daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini saya tertarik kepada satu langkah yang dijalankan di Pahang iaitu Kerajaan Pahang telah melancarkan kampung penempatan semula yang dinamakan Kampung Bruang Kuala Lipis dengan mendirikan sebanyak 75 buah rumah dan memberikan kepada tiap-tiap seorang penduduk disitu satu ekar tanah untuk ditanam dengan lada hitam. Menurut Menteri Besarnya, Encik Abdul Rahim Abu Bakar tiap-tiap seorang penduduk yang menanam lada hitam di atas tanahnya satu ekar itu kelak akan mendapat hasil \$340.00 sebulan atau \$5,000 setahun. Jadi sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri bertindak seperti apa yang dibuat oleh Negeri Pahang ataupun Kerajaan Persekutuan melancarkan langkah-langkah Rancangan-rancangan Tanah seperti FELDA tetapi tanamannya ditanam bukannya daripada getah dan kelapa sawit. Saya percaya ini akan menolong meninggikan taraf hidup kaum bumiputra dan Kerajaan tidak akan menanggung kerugian apa-apa dengan sebab hasil tanaman seperti lada hitam, cengek dan lain-lain itu akan diperolehi kembali menerusi cukai kastam.

Saya suka menyentuh sedikit lagi berkenaan dengan ekonomi bumiputra di dalam masalah perniagaan dan pinjaman daripada bank-bank. Baharu-baharu ini, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Mohamad bin Yeop Abdul Raof semasa merasmikan majlis seminar antara wakil-wakil bank dan pengusaha perniagaan bumiputra di Pulau Pinang telah menggesa Persatuan Bank-bank di negara ini supaya mengambil tindakan yang positif terhadap setengah-setengah bank yang menunjukkan sikap dingin untuk membantu kaum bumiputra di dalam bidang perniagaan. Beliau menyeru bank-bank yang berkenaan supaya tidak mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada

para pengusaha dan peniaga bumiputra, seperti berkehendak cagaran tanah, rumah atau penjamin selain daripada Perbadanan Jaminan Kredit, kerana itu akan menyulitkan kaum bumiputra katanya.

Begitu juga Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Ali di dalam persidangan akhbar-nya pada 30 haribulan Mac yang lepas memberitahu beliau masih tidak puas hati dengan kadar bantuan pinjaman yang diberi oleh bank perdagangan untuk memajukan bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perusahan. Beliau berharap pihak bank-bank tersebut akan meningkatkan bantuannya hingga mencapai 20% memenuhi keperluan minima yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mendukacitakan kaum bumiputra yang baru hendak mencuba nasibnya menceburkan diri di arena perniagaan ialah kurangnya kerjasama daripada pihak bank-bank untuk memberi pertolongan pinjaman kepada mereka sedangkan pihak yang berkuasa dan mempunyai sepenuh-penuh tanggungjawab terhadap bank-bank itu seperti Gabenor Bank Negara hanya sanggup setakat memberi nasihat dan paling tingginya memberi amaran terhadap bank-bank swasta itu. Kenapa tidak diambil tindakan yang berkesan kiranya amaran itu tidak dipatuhi, seumpama berhentikan lesen-lesen perniagaan bank itu atau sekurang-kurangnya menggantungkan bagi sementara waktu.

Menyentuh kepada Amanah Saham MARA sekarang didapati 333,240 yunit Tabung Kumpulan Modal Bumiputra dan Amanah Saham MARA yang masih belum dituntut oleh pemegang saham hingga sekarang, hampir setengah juta ringgit, keuntungan daripada saham MARA tidak dituntut oleh tuan-tuan empunya.

Menurut Yang Berhormat Tuan Abdul Ghafar Baba, Pengerusi Kompleks Kewangan Saham MARA wang keuntungan yang tidak dituntut itu ialah atas dua sebab.

Yang pertama, pertukaran alamat.

Yang kedua, keuntungan itu terlalu kecil yang diketepikan sahaja oleh pemegang yunit.

Kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, hujah yang diberikan itu tidak dapat saya terima, pada pendapat saya tidak begitu. Sebahagian

besar daripada wang-wang itu tidak dituntut ialah disebabkan orang ramai tidak mengerti cara-cara hendak menuntutnya, disebabkan kurang penerangan oleh pihak Saham MARA. Pemegang-pemegang yunit itu 80% daripadanya terdiri daripada penduduk-penduduk di luar bandar. Sebagaimana yang kita tahu penduduk-penduduk di luar bandar yang dewasa baharu sahaja diajar membaca dan menulis oleh guru-guru KEMAS. Takkanlah orang-orang ini mengerti segala peraturan yang dibuat oleh Tabung Kumpulan Modal Bumiputra itu. Kalau mereka tidak menuntut selepas 2 tahun, wang itu akan diserahkan pula kepada Perbendaharaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melindungi kepentingan orang-orang dari luar bandar itu yang sebahagian besar daripadanya masih lagi buta huruf. Saya cadangkan pihak Tabung Kumpulan Modal Bumiputra memohon kelulusan Kerajaan supaya ditambah satu syarat lagi di dalam undang-undangnya iaitu mana-mana wang keuntungan daripada Tabung Kumpulan Modal Bumiputra yang tidak dituntut oleh tuan-tuan yang empunya selepas 6 bulan daripada dihantarkan Penyata Dividend kepadanya, hendaklah dengan otomatis menjadi pertambahan modal di dalam sahamnya.

Berkenaan dengan pentadbiran negeri, negeri-negeri di Pantai Timur seperti Trengganu, Kelantan adalah negeri yang mundur di dalam pembangunan jika disisihkan dengan negeri-negeri di Pantai Barat di Semenanjung Malaysia. Negeri yang mundur itu adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memajukannya supaya setanding dengan negeri-negeri yang telah maju seperti Selangor, Perak dan lain-lain. Tetapi apa yang sangat mendukacitakan ialah sistem penempatan pegawai-pegawai Kerajaan di negeri-negeri yang tersebut.

Di negeri-negeri yang telah maju jawatan pegawai-pegawai itu dinaikkan tarafnya dan bagi negeri-negeri yang kurang maju taraf jawatan pegawai-pegawainya diturunkan atau direndahkan. Dengan cara yang demikian, kita dapati seumpama jawatan Jurutera Jalanraya maka jurutera ini yang baharu keluar daripada universiti dan baharu berjawatan Kerajaan ditempatkan di negeri-negeri di Pantai Timur untuk menjalankan latihan atau percubaan jawatannya. Apakala

mereka sudah menunjukkan kebolehan, mereka pun dipindahkan ke negeri yang telah maju. Begitu juga apakala jurutera itu telah benar-benar berkebolehan dan mempunyai pengalaman atau experience yang secukupnya, mereka pun ditempatkan di Pantai Barat seperti Ipoh atau Kuala Lumpur, begitu juga jawatan-jawatan yang lain. Dengan cara yang demikian, negeri-negeri yang mundur itu tidak akan dapat menyaingi negeri-negeri yang maju sampai bila-bila masa pun. Bukanlah baik sistem yang dipusakai daripada penjajah itu tidak patut diamalkan lagi di zaman Malaysia yang sedang membangun ini. Untuk memajukan negeri-negeri yang kurang maju itu bukanlah perlu pegawai-pegawai yang mempunyai penuh pengalaman (experience) itu ditempatkan di negeri-negeri yang kurang maju kerana dengan pegawai-pegawai yang berpengalaman itulah dapat dimajukan negeri-negeri yang kurang maju itu.

Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh beberapa perkara lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Tuan Haji Mahmoud bin Salim: Baiklah. Tetapi saya ada banyak perkara lagi yang hendak disentuh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong pendek-pendekkan; berilah peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Haji Mahmoud bin Salim: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambung lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Haji Mahmoud bin Salim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan keretapi. Saya sudah menyebutkan dan saya telahpun membangkitkan perkara Keretapi Tanah Melayu di Dewan yang mulia ini pada masa yang lepas. Sekarang ini saya suka membangkitkan sekali lagi di dalam ucapan membahaskan Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Menurut Datuk Ishak Tadin, Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu baharu-baharu ini, katanya Keretapi Tanah Melayu mendapat hasil keuntungan \$385,000 sehari. Hasil

yang banyak sekali ialah mengangkut kira-kira 2,520 tan balak dari Ulu Kelantan setiap hari memberi pendapatan purata \$520,000 sebulan. Hasil yang kedua, katanya ialah pendapatan dari Pusat Tapisan Minyak di Port Dickson, pendapatannya purata ialah \$250,000 sehari. Jadi, hasil Keretapi Tanah Melayu ini sebagaimana yang disebutkan oleh Pengurus Besarnya ialah mengangkut kayu balak dari Ulu Kelantan dan mengangkut minyak daripada Port Dickson.

Sekarang ini, Negeri Trengganu yang saya mewakili ini adalah negeri di Semenanjung Malaysia yang mengeluarkan minyak. Negeri ini sudah dibuka di dalam Rancangan Trengganu Tengah yang mempunyai balak yang bertimbun-timbun tidak habis-habis diangkut dengan lori dan mempunyai minyak yang banyak yang hanyalah boleh diangkut dengan keretapi. Malangnya sekali di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Keretapi Tanah Melayu tidak ada rancangan untuk melalui Negeri Trengganu. Begitu juga untuk sampai kepada Pelabuhan Tanjung Gelang di Kuantan. Jadi, negeri Tanah Melayu ini sebagaimana yang dirancangan dalam masa penjajah dahulu untuk kepentingan penjajah, maka di Pantai Timur dilaluilah daripada Kelantan terus ke Gua Musang, ke Kuala Lipis betul-betul di tengah Negeri Pahang. Jadi, sekarang ini di dalam pembangunan baharu negara bukankah negeri Pahang itu sudah dijadikan Ibu Negeri di Kuantan dan pelabuhan yang besarnya ialah di Tanjung Gelang. Tidakkah bermaknanya ada niat Kerajaan mahu supaya keretapi itu sampai ke Tanjung Gelang. Kalau sekiranya ada niat Kerajaan hendak sampai ke Tanjung Gelang tidakkah bagus daripada Tanjung Gelang dimasukkan ke Trengganu Tengah, boleh sampai ke Kuala Trengganu supaya minyak-minyak itu dihantar boleh melipatgandakan lebih daripada minyak yang diangkat daripada Port Dickson. Jadi, saya merayulah kepada Kerajaan supaya Keretapi Tanah Melayu hendaklah disampaikan kepada negeri Trengganu supaya menjadi adil tiap-tiap buah negeri di dalam Semenanjung Malaysia ini ada mempunyai keretapinya, tidakkah sebagaimana sekarang, semua negeri di dalam Malaysia ada mempunyai keretapi, melainkan Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit dari segi masalah kajicuaca. Kajicuaca ini kalau kita dengar daripada siaran radio, kita melihat di dalam tayangan

talivisyen, boleh dikatakan tiap-tiap kali warta berita ada sahaja diterangkan, tujuannya saya fikir ialah kerana hendak menolong nelayan-nelayan khususnya nelayan-nelayan di Pantai Timur ataupun di Selat Melaka. Jadi, kajicuaca ini menceritakan darihal hujan, darihal angin dan darihal ombak, maka maksudnya itu memberi pertolongan. Tetapi apa yang terjadi, bukannya memberi pertolongan, tetapi adalah sebaliknya. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedar, nelayan-nelayan yang miskin hanyalah mempunyai bot-bot yang kecil. Mereka hendak pergi ke laut. Kalau sekiranya mereka mendengar berita daripada Kajicuaca dikatakan ada ombak di antara 2 kaki hingga 6 kaki, tentu mereka tidak berani keluar. Tetapi apa yang menjadi peliknya Jabatan Kajicuaca ini ia membuat ramalan itu seumpama Nujum Pak Belalang. Seumpama katanya angin bertiup di Pantai Timur 10 batu hingga 20 batu sejam dari Kelantan, Trengganu, Pahang sampai ke Johor Timur. Begitu juga ombak. Gelombang katanya antara 2 kaki hingga 6 kaki dari negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor Timur. Cuba, Tuan Yang di-Pertua fikir, Trengganu berapa luas negerinya; Kelantan berapa ratus batu. Jadi ini kalau berita yang seumpama ini bukannya hendak menolong kepada nelayan-nelayan. Kalau sekiranya hendak tolong kepada nelayan-nelayan mesti dibuat perincian. Ombak di antara Kelantan dan Besut 2 kaki hingga 3 kaki misalnya; daripada Besut ke Kuala Trengganu 4 kaki hingga 4½ kaki, daripada Kuala Trengganu ke Dungun turun balik 2 kaki; daripada Dungun ke Kemaman sekian kaki; barulah ia menolong.

Adapun yang ada sekarang ini katanya 2 kaki hingga 6 kaki. Jadi terperanjatlah nelayan-nelayan di Kuala Trengganu hendak turun ke laut, terperanjatlah pula nelayan-nelayan di Kuala Dungun hendak turun ke laut. Pada akhirnya periuk mereka itu menjadi kosong oleh sebab tidak jadi turun ke laut. Apakala mereka itu tidak pergi ke laut, mereka itu dapati tidak ada ombak yang dikatakan 6 kaki tadi, angin pun tidak ada. Akhirnya mereka itu marah kepada Kajicuaca. Sebab itulah saya merayu sebagai seorang Ahli Dewan hendaklah dibuat perincian. Janganlah pandai sahaja membuat kajicuaca dengan merangkumkan dua tiga buah negeri sekali sahaja, melainkan dengan buat perincian. Sekarang ini kita ada komputer. Memang kita boleh tahu pada

perinciannya di antara sebatu hingga 2 batu boleh tahu, takkanlah sampai 500 batu sekali dibuat ramalan.

Satu lagi berkenaan dengan Rukun Tetangga. Ini pun satu perkara yang pelik. Rukun Tetangga ini adalah satu perkara yang baik. Pada masa negeri ini diduduki oleh musuh iaitu Jepun, saya masih teringat lagi pada masa itu saya sedang muda remaja. Rukun Tetangga ini dinamakan Jukidang, diwajibkan kepada tiap-tiap orang mesti menjaga kampungnya. Ini bagus. Sekarang ini timbullah masalah Rukun Tetangga untuk menjaga kampung. Menurut Pengarah Sektor Rukun Tetangga, Haji Bustami, katanya sehingga sekarang sudah ada 605 sektor Rukun Tetangga yang ditubuhkan di Semenanjung Malaysia dengan anggotanya yang berdaftar 800,000 orang melibatkan hampir 2½ juta penduduk. Kalau sekiranya perkara yang baik ini, mengapa ada setengahnya dibuatkannya sektor Rukun Tetangga, setengahnya tidak. Patutlah dibuat keseluruhannya.

Saya menarik perhatian seumpama di bandar Kuala Trengganu. Bandar Kuala Trengganu itu separuh ada Rukun Tetangga, separuhnya tidak. Jadi menjadi perbalahan kepada penduduk-penduduknya, kata penduduk yang tidak ada Rukun Tetangga itu bagus, senang aku, boleh tidur. Kata penduduk yang ada Rukun Tetangga ini, mengapa aku ini dibebankan dengan Rukun Tetangga hinggakan begitu strictnya ahli-ahli Rukun Tetangga itu kalau sekiranya bawa surat doktor; doktor private pun tidak diterima, tidak boleh; mesti dengan doktor Kerajaan yang bertanggungjawab. Kalau begini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak betul. Sepatutnya dijalankan semua sekali di seluruh negara. Kalau hendak dijalankan di Semenanjung Malaysia ini, jalankan di seluruh Semenanjung Malaysia. Kalau hendak dijalankan di bandar, ke seluruh bandar di dalam Malaysia ini dijalankan. Kalau hendak dijalankan di kampung sahaja, di seluruh kampung. Kalau hendak dirangkum semua sekali, semua sekali, biar sama-sama menikmati dan bersama-sama bertanggungjawab.

Berbalik saya kepada kayu balak, Tuan Yang di-Pertua. Kayu balak ini saya terpaksa menyebut dengan sebab negeri Trengganu adalah negeri yang banyak mengeluarkan kayu balak. Malaysia sebuah negara yang kaya dengan hutan kayu-kayan dan

hasil kayu-kayannya merupakan sumber pendapatan yang besar bagi negara selepas getah dan bijih. Kerana menjejarkan kekayaan dari segi inilah maka Kerajaan telah mengeluarkan permit-permit balak yang tidak ada hadnya dari satu masa ke satu masa kepada pembalok-pembalok yang kebanyakannya telah menjadi kaya-raya di dalam sekelip mata. Dalam masa 5 tahun antara tahun 1971 hingga 1976 purata 1 juta ekar kawasan balak di Semenanjung telah ditebang tiap-tiap tahun. Apa yang mendukacitakan ialah balak-balak yang ditebang itu diambil-batangnya yang besar sahaja, manakala dahan-dahan dan batang-batang yang kecil adalah ditinggalkan di dalam hutan dengan keadaan membazir. Kayu-kayu balak itu apakala diproses di kilang-kilang papan, sekali lagi berlaku perbuatan yang membazir yang tidak terhingga terhadap negara kerana kayu-kayu reja dan yang kurang mutu itu dibakar begitu sahaja menjadi abu.

Cubalah, Tuan Yang di-Pertua, anggarkan berapa banyakkah kayu-kayu kepunyaan negara Malaysia telah menjadi korban membazir oleh pembalok-pembalok. Jika 1 juta ekar setahun ditebang dan tiap-tiap satu ekar mengandungi 100 batang pokok yang dibalakkan bererti 100 juta pokok yang ditebang setahun dan sebahagian besar daripadanya iaitu dahan-dahan, ranting-ranting dan batang-batang itu tertinggal begitu sahaja dengan tidak diproses dan merugikan negara. Padahal di negara-negara yang maju seperti Jepun bukan sahaja dahan-dahan dan pokok-pokok yang kecil tetapi daun-daun pokok itu diambil faedahnya dan diproses dengan bermacam-macam cara untuk menjadi kegunaan ramai seumpama kertas dan sebagainya. Kalau dasar pembalok di negara ini tidak diubah, akan berpanjanganlah negara kita akan mengalami kerugian dan membazir dalam masalah perikanan negara.

Saya mengesyorkan kepada Kerajaan buat langkah permulaan hendaklah dikenakan syarat ke atas kilang-kilang papan supaya reja-reja kayu dan papan-papan yang tidak bermutu yang hendak dibakar itu hendaklah terlebih dahulu dilonggokkan dan diberi percuma kepada rakyat miskin yang berhajat kepada kegunaan kayu. Selepas itu barulah boleh dibakar, jika ada lagi.

Saya ada beberapa lagi hendak bercakap tetapi oleh kerana nasib saya bercakap selalunya pada hari yang akhir, jadi masanya

pun terhad. Kalau saya diberi peluang bercakap pada hari pertama, saya boleh menerangkan beberapa perkara lagi yang ada saya tulis di sini. Walau pun begitu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin.

4.08 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Ucapan Titah Di Raja yang telah dibentangkan dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih kerana saya diberi peluang berucap dengan seberapa ringkas. Saya juga akan patuh kepada arahan Tuan Yang di-Pertua yang tidak membenarkan seseorang Ahli bercakap lebih daripada 15 minit. Bagi pihak saya yang pertama saya suka menyoal kepada Kerajaan iaitu berkenaan dengan Ucapan Titah Di Raja yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai Titah Ucapan Di Raja. Pertama, berkenaan dengan ekonomi. Selalunya Titah Ucapan Di Raja menyatakan ekonomi ini akan diberi peluang kepada Bumiputra khususnya kepada orang-orang Melayu. Saya tidak menafikan setengah-setengah golongan daripada orang-orang Melayu ada juga mendapat kemewahan, mendapat keistimewaan tetapi peniaga-peniaga kecil yang telah ada di negara kita ini tidak begitu mendapat nikmat, tidak begitu mendapat kejayaan dengan beberapa sekatan yang dibuat oleh Kerajaan atau Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang baru ini.

Walaupun tadi telah diterangkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga berkenaan dengan saham-saham yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan tetapi saya sangat dukacita, saya sangat hairan sebagaimana yang telah disiarkan dalam akhbar dua tiga hari yang lepas, menyatakan bahawa saham-saham yang dikeluarkan dan yang diberikan kepada bumiputra telahpun diberikan kepada syarikat-syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang-orang yang telah membeli saham itu telah dihantar kembali cek-ceknya. Jadi dimanakah saham ini sebenarnya, adakah masuk ke dalam guni besar atau guni kecil? Saya sangat-sangat hairan, mengapakah rakyat yang ada di dalam negara kita ini yang setengah-setengahnya tidak merasai nikmat tersebut.

Saya tidak nafikan yang Kerajaan telah memberi peluang yang banyak kepada golongan rakyat.

Yang ketiga, berkenaan dengan dadah. Dadah ini juga menimbulkan masalah bagaimanakah Kerajaan boleh mencari satu jalan supaya dadah ini dapat dihapuskan dan tidak bermaharajalela di negara kita. Dan hari ini terdapat juga pegawai-pegawai yang telah membuat pekerjaan yang paling berdosa sekali. Adakah Kerajaan menyiasat bagaimanakah kedudukan perkara itu pada hari ini? Seterusnya saya rasa hairan iaitu ada seorang Ahli Yang Berhormat kelmarin telah bercakap menuduh Kerajaan kita ini bukan Kerajaan yang berjiwa rakyat tetapi apakah Kerajaan sudah buat. Saya hairan, sekiranya beliau telah ada di dalam Kerajaan Barisan Nasional dahulu beliau tidak ada mempunyai motokar, berkali-kali saya sudah katakan dari manakah nikmat yang sudah didapati sehingga ia sudah mempunyai rumah. Kataannya Kerajaan ini sudah memerintah 21 tahun, apakah yang dibuatnya. Tetapi tidaklah dia melihat apakah yang dibuat oleh Kerajaan hari ini. Saya tidak nafikan yang Kerajaan telah memberi pertolongan yang banyak walaupun tidak kesemuanya tetapi setengah daripada rakyat telah merasa nikmatnya termasuklah Ahli Yang Berhormat itu tadi. Saya berani tunjuk, Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau telah menyatakan yang Kerajaan tidak langsung mengambil peduli kepada rakyat, Kerajaan tidak buat itu dan ini, jadi saya hendak bertanya: Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah selama 21 tahun, kita sedar apa yang Kerajaan telah buat, tetapi Kerajaan Negeri Kelantan yang diperintah oleh Kerajaan PAS dulu, apakah yang sudah dibuat oleh PAS. Hutan tinggal hutan, air pun tiada, telaga pun tiada. Saya sendiri berada semasa pilihanraya dulu selama 20 hari lebih kurang. Jadi jangan terlalu menyebutkan iaitu semasa berada di dalam Barisan Nasional, kita memuja, kita memuji Menteri-menteri kita. Kita selalu berbangga dengan Menteri kita. Tetapi bilamana kita tidak ada di dalam Barisan Nasional, mengapakah boleh jadi sakit hati antara satu sama lain. Ia seorang yang beragama Islam yang menjadi guru agama tidak baik sekali-kali menaruh perasaan cemburu kepada orang yang ada kemampuan dan ada kebolehan.

Begitu juga telah dituduh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengapakah Perdana Menteri kita tidak mengambil tahu keadaan di negara kita ini. Kononnya jawapan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya rasa jawapan ini telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalaulah sekiranya dijawab oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, tidak menjadi salah. Kelmarin juga saya tengok soal yang mengenai Hal Ehwal Dalam Negeri tidak menjadi salah. Kelmarin juga saya tengok soal yang mengenai Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi dijawab oleh Timbalan Menteri Kesihatan. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita adalah satu Kerajaan yang betul-betul membela rakyat, membela nasib orang-orang miskin dan dhaif. Tetapi masanya belum tiba, masanya belum sampai tetapi Yang Berhormat itu sudah tercapai nikmat yang telah diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bahawa ada segolongan manusia yang membuat tuduhan-tuduhan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan. Saya juga tidak bersetuju. Kerana pegawai-pegawai ini mempunyai tingkatan, mempunyai saluran-saluran, mempunyai bermacam-macam anika warna: lampu merah, lampu hijau, lampu kuning, lampu biru dan bermacam-macam lagi. Kalau lampu hijau tidak beri jalan, macam mana kita hendak menjalankan tugasnya. Melainkan pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan dakap tangan, bersandar sahaja atas kerusi disebabkan ia tidak diberi mandat atau kuasa yang penuh kepada pegawai-pegawai. Jadi janganlah kita menuduh kesemua pegawai-pegawai Kerajaan bersikap begitu, tidak. Ada pegawai-pegawai Kerajaan yang bersimpati kepada rakyat sehingga menangis apabila menghadapi mereka tetapi mereka tidak ada kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah menuduh pegawai-pegawai dan kalau mereka mogok tidak mahu kerja, apa akan jadi kepada pejabat-pejabat. Kalau tidak betul terhadap seseorang pegawai itu, katakan tidak betul. Bagi saya sendiri saya berani cakap, saya kata ini tidak betul, jangan buat. Inilah caranya kita hendak memperbaiki. Jangan sekali kita menuduh, kerana kalau kita masuk di dalam biliknya, tentu mereka tidak memandang kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya telah dapat rayuan daripada dua tiga sahabat saya mengenai sewa rumah untuk pegawai-pegawai polis kita. Umpamanya di Pulau Pinang sewa rumah dapat \$93 tetapi di Kuala Lumpur sewa rumah yang diberi \$131. Sudahlah begitu, Tuan Yang di-Pertua, wang itu termasuk dengan gaji mereka. Dan yang ada anak satu dua terpaksa pula kena bayar cukai. Ini tidak patut sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Kerajaan timbanglah semula permohonan mereka samada di negeri Pulau Pinang, Kuala Lumpur atau di lain-lain negeri adalah serupa dan hendaklah ditimbang, jangan dibeza-bezakan. Pekerjaan mereka adalah sama semuanya. Sekiranya mereka tidak ada duit, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka menerima rasuah \$1 kalau dihantar ke penjaga selama 6 bulan, pekerjaan mereka habis, wang tidak dapat walau satu sen pun. Kejadian ini sudah nyata berlaku dan ada Polis yang telahpun ditangkap, ini adalah disebabkan Kerajaan tidak menimbang langsung permohonan mereka.

Kita ada meminta elaun untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, elaun itu dan ini tetapi kakitangan di dalam pejabat kita yang ada di sini pun tidak menerima apa-apa bayaran. Perkara ini hendaklah dikaji semula supaya dapat bayaran saguhati dan mereka bekerja dengan seronok, begitu juga kakitangan yang bertugas di Dewan Negara ini apabila kita bermesyuarat sehingga larut malam, patutlah kita memberi elaun kepada mereka. Kerajaan sudahpun berjanji hendak memberi elaun, tetapi sehingga hari ini mereka belum menerima walau satu sen pun. Saya telah bertanya samada tuan-tuan sudah dapat elaun. Belum, katanya. Tidak mengapa, saya memberi akuan akan bercakap pada hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri-menteri boleh menjawab sebagaimana kata saudara saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin walaupun beliau seorang lawyer, tetapi kadangkala tidak betul, jadi Menteri sahaja yang betul. Ini tidak sepatutnya. Apa yang saya kata ini datangnya dari hati sanubari saya dengan ikhlas, jadi saya berharap Kerajaan ini adalah yang betul-betul berjiwa rakyat, jangan kita bercakap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya.

4.23 *ptg.*

Datuk Choo Ching Hwa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul mempersembahkan Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan Parlimen pada 9hb Oktober, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, baik di bidang politik mahupun di bidang perlembagaan negara kita, kita telah berazam menuju kepada jalan yang akan merapatkan semangat muhibbah rakyat jelata berbilang kaum, kestabilan, keselamatan dan kemakmuran. Walau bagaimanapun, selepas lebih 20 tahun, kita ternampak adalah munculnya penyelewengan-penyelewengan dalam bidang-bidang sosial, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran. Oleh sebab yang demikian, kita patut mengkaji semula semangat muhibbah, tolak-ansur dan kerjasama dalam politik dan undang-undang semasa kita memperjuangkan pencapaian merdeka itu.

Saya ingin menekankan masalah ini oleh kerana saya tidak berniat melihat kewujudan kepelampauan antara rakyat berbilang kaum kita itu. Untuk mencegah fikiran dan kelakuan kepelampauan antara rakyat berbilang kaum itu, pada pendapat saya, cara yang berkesan adalah membolehkan rakyat kita berpuashati terhadap langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap sosial, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran itu.

Oleh yang demikian, saya bertanggungjawab menerangkan dan membayangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum China dalam bidang-bidang sosial, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran itu supaya membolehkan Kerajaan dan rakyat jelata berbilang kaum itu dapat mengetahui ciri-ciri masalah dan sementara itu, saya berharap bahawa kita dapat menggunakan semangat muhibbah dan matlamat-matlamat suci supaya mengatasi masalah-masalah itu. Yang

mustahaknya ialah pegawai-pegawai Kerajaan yang melaksanakan dasar-dasar Kerajaan tidak boleh membuat penyelewengan-penyelewengan daripada matlamat-matlamat semangat muhibbah, kestabilan, keselamatan dan kemakmuran. Saya ingin menekankan di sini bahawa pihak-pihak yang menjalankan dasar-dasar Kerajaan tidak dibenarkan berselewengan dengan polisi-polisi negara yang telah ditetapkan.

Dengan terangnya, saya berpendapat bahawa dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada adalah diterima dan disokong oleh rakyat berbilang kaum itu. Walau bagaimanapun, apa yang membimbangkan masyarakat. China ialah ternampak penyelewengan-penyelewengan kelompok-kelompok pegawai-pegawai Kerajaan terhadap polisi-polisi Kerajaan itu. Dalam perkataan yang lain, pegawai-pegawai Kerajaan itu dengan secara langsung atau tidak langsung enggan membayangkan semangat yang menasabah dan adil dalam polisi-polisi itu. Oleh sebab itu, kami bertanggungjawab supaya mencampurtangan dan memperbetulkan keadaan yang tidak sihat itu. Jika bukan negara kita akan mengalami keadaan penuh dengan emosi dan perasaan kepelampauan yang akan menjejaskan matlamat-matlamat semangat muhibbah, kestabilan dan kemakmuran itu.

Dalam bidang pelajaran, kita nampak bahawa peluang-peluang menerima pelajaran tinggi oleh pelajar-pelajar bukan Melayu semakin dikurangkan. Untuk negara kita mencapai kemajuan yang selanjutnya dan juga membolehkan negara kita berkedudukan yang tinggi dalam bidang-bidang politik, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran di antara bangsa, kita patut membuat sesuatu dengan sedaya-upaya supaya membolehkan belia berbilang kaum kita mendapat lebih banyak peluang-peluang menerima pelajaran tinggi itu. Dengan sukacitanya kami nampak bahawa semakin banyak pelajar-pelajar Melayu digalakkan mengambil peluang supaya dapat meneruskan pelajaran tinggi mereka. Di samping itu, kita juga berharap bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu juga patut digalakkan mengambil peluang-peluang meneruskan pelajaran tinggi itu oleh kerana semua pelajar-pelajar tanpa mengira kaum-kaumnya, adalah harta-benda yang bernilai bagi negara kita, bukan hutang-hutang negara kita. Sekiranya pelajar-pelajar ini dianggap secara hutang-hutang negara, saya percaya bahawa ini akan menjadikan satu kerugian yang besar kepada negara kita.

Sementara itu, menerima pelajaran tinggi adalah hak seorang warganegara dalam sebuah negara berdemokratik. Umpamanya, seorang pelajar menengah yang bekerja sungguh-sungguh supaya mendapat kelayakan untuk kemasukan universiti, tetapi oleh sebab kekurangan tempat di universiti itu, permohonannya ditolak, biarlah kita berfikir apakah perasaan pelajar itu. Di samping itu, kebanyakan ibubapa adalah miskin, tetapi mereka bekerja sekuat-kuatnya dan men-cermat wang dengan tujuan membolehkan anak-anak mereka diberi peluang supaya meneruskan pelajaran tinggi di universiti-universiti, tetapi dengan kekurangan tempat-tempat di universiti-universiti kita, ibubapa yang miskin itu memanglah mengalami kekeciwaan walaupun anak-anak mereka mempunyai kelayakan-kelavakan yang diperakui itu. Biarlah kita berfikir sebentar, apakah perasaan pelajar-pelajar dan ibubapa mereka itu. Adakah mereka akan membenci Kerajaan atau memuji Kerajaan itu?

Saya memang sedar bahawa sumber-sumber dan kewangan Kerajaan terhad. Oleh sebab ini, perkembangan sesebuah universiti patut dijalankan seperingkat demi seperingkat. Walau bagaimanapun, kita berharap bahawa Kementerian Pelajaran kita mesti mempunyai keazaman supaya membekalkan lebih banyak peluang-peluang menerima pelajaran tinggi kepada pelajar-pelajar berbilang kaum kita. Saya bercadang bahawa kelas-kelas petang boleh diadakan oleh Kerajaan di lima universiti tempatan ini. Saya percaya bahawa cara ini akan banyak menolong selesaikan kekurangan tempat bagi pelajar-pelajar yang berkelayakan memasuki universiti-universiti itu. Kita tidak boleh mengambil helah menyatakan sekiranya banyak graduan-graduan universiti itu dikeluarkan akan memburukkan keadaan pengangguran itu. Pada masa ini, ekonomi negara kita, pada amnya bergantung kepada pengeluaran dan penjualan bahan-bahan mentah. Bila sampai masa yang kita mengalami kekurangan bahan-bahan mentah itu atau turunnya harga-harga, kita tidak akan bergantung kepada bahan-bahan mentah itu lagi. Pada masa itu, kita mesti menggantung-kan tenaga rakyat yang berpengajian tinggi supaya mereka dapat menolong-majukan ekonomi kita dengan seterusnya.

Dalam bidang ekonomi, kita mengetahui bahawa negara kita menjalankan dasar ekonomi bebas yang telah melahirkan buah-buahan yang manis setakat ini. Oleh sebab

itu, saya berharap bahawa bila Kerajaan ingin mencampur tangan dalam sebuah perniagaan, Kerajaan patut berfikir dengan teliti bahawa campur tangan itu adakah akan melahirkan hasil-hasil yang baik kepada ekonomi dengan keseluruhannya. Oleh yang demikian, kita berharap bahawa bila Kerajaan ingin campur tangan dalam sesuatu perniagaan, lebih baik mencampur tangan dalam perniagaan yang terbesar seperti perniagaan dan perusahaan yang dijalankan oleh ASEAN yang tidak mampu dijalankan oleh peniaga-peniaga perseorangan.

Kami nampak bahawa ada setengah-setengah Jabatan Ekonomi Negeri mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang kecil dan akhirnya bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Kegiatan-kegiatan itu adalah bertentangan dengan dasar ekonomi bebas yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekan di sini bahawa negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun. Selain dari pilihanraya nasional, kita tidak boleh membiarkan terlalu banyak "politik", khasnya dalam unit-unit pelaksanaan dasar Kerajaan itu. Kerana terlalu banyak "politik" akan melahirkan banyak rintangan-rintangan kepada kemajuan negara kita.

Dengan malangnya, kita nampak bahawa ada orang membawa "politik" ke dalam upacara konvokesyen sesebuah institusi pengajian tinggi.

Akhirnya, biarlah saya mengulangi bahawa kita benar-benar memerlukan sebuah negara yang muhibbah, stabil, selamat dan makmur. Kita berharap bahawa Kerajaan dan rakyat jelata berbilang kaum akan saling bantu-membantu dan bekerjasama dengan lebih rapatnya supaya kita akan mencapai matlamat-matlamat kita.

4.14 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah dan terima kasih atas keizinan Tan Sri dapat saya menyertai sama menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang pada 23hb Oktober, 1978 kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 10 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.42 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkeruskikan Mesyuarat*

4.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, sukacita saya menyatakan pendapat dan pandangan saya untuk menjadi perhatian pihak Kerajaan.

Selepas Pilihanraya Kebangsaan baru-baru ini, Julai, 1978, terbentuk sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang baharu yang diberi nama Kerajaan berjiwa rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan susunan Kabinet baharu ini, sukacita saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang mana telah mendapat kepercayaan daripada Yang Amat Berhormat melantik masing-masing menganggotai Kabinet Kerajaan sekarang ini.

Satu perkara yang sukacita saya hendak sentuh dalam susunan Kabinet ini bahawa tidak terdapat ahli-ahli yang mempunyai didikan Islam dalam Kabinet yang baharu. Jadi, dengan tidak terpilihnya Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Adli dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Othman Abdullah, saya memandang dalam Kabinet kita hari ini kekurangan ahli yang mempunyai didikan Islam. Dengan keadaan ini, saya bimbang Kerajaan kita akan kekeringan jiwa dan roh Islam dalam memimpin negara supaya mempunyai suatu masyarakat yang bersatu padu, maju dan bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kerajaan yang mempunyai aspirasi dan mempunyai asas-asas jiwa Islam, boleh menjamin keselamatan negara ini dan juga keharmonian di antara kaum. Dengan sebab itu, saya menyeru sekiranya ada suatu susunan baharu Kabinet pada masa hadapan, masukkanlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai didikan Islam ke dalam Anggota Kabinet

supaya sesuai dengan Perlembagaan Negara kita sendiri yang menjadikan Islam sebagai agama negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titahnya menyeru supaya kita semua melupakan perbezaan politik masing-masing, tidak kira dari parti ia pemerintahkah atau parti Pembangkang supaya kita bersama-sama mementingkan perpaduan dan keselamatan negara. Parti-parti Pembangkang dikehendaki memberi kerjasama dengan usaha-usaha Kerajaan dan parti Kerajaan sendiri pula jangan membeza-bezakan layanannya kepada rakyat, tidak kira rakyat itu dari parti mana asalkan sesuai dengan syarat-syarat, peraturan-peraturan dan undang-undang Kerajaan tanpa mementingkan kepentingan parti masing-masing. Inilah caranya yang boleh mendatangkan semangat kerjasama di antara rakyat dengan tidak mengira parti masing-masing. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini adalah sebaliknya.

Sebagai contoh, Kerajaan melancarkan sesuatu usaha untuk menolong rakyat yang miskin di luar-luar bandar, umpamanya membahagikan subsidi-subsidi, kemudahan-kemudahan kepada nelayan, pernah berlaku campur tangan dari orang-orang politik untuk membahagikan kepada orang-orang partinya sahaja sehingga senarai yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai berkenaan dipinda oleh orang-orang kuat parti Kerajaan sehingga pegawai berkenaan terpaksa tunduk diatasi oleh kuasa orang kuat parti. Keadaan ini berlaku dalam pemberian subsidi kepada nelayan, subsidi ataupun rancangan pawah lembu, kerbau kepada petani-petani oleh Jabatan Haiwan sehingga rakyat yang miskin di luar bandar yang dianggap tidak menyokong parti UMNO diketepikan langsung. Amalan-amalan seperti ini tidak akan mendatangkan persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat, bahkan akan menimbulkan perasaan perpecahan dan berpuak-puak di kalangan mereka. Dengan sebab itulah Seri Paduka Baginda dalam Ucapan Titahnya menyeru supaya semua pihak rakyat dan lebih-lebih lagi pihak Kerajaan sendiri lupa-kah perbezaan politik masing-masing dan hendaklah berlaku adil lebih dahulu kepada rakyat oleh pihak Kerajaan, baru kita dapat tarik perasaan-perasaan rakyat menyokong Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berpunca daripada tindakan seperti inilah seumpama menindas, menarik segala kemudahan-kemudahan yang telah diberi, mengugut dan menukar atau melucutkan jawatan setengah-setengah rakyat yang didapati menyokong parti lain kerana membalas dendam, itulah menyebabkan timbulnya keadaan pulau-memulau di kalangan setengah masyarakat kampung. Makin banyak pihak parti Kerajaan bertindak demikian akan makin banyaklah menimbulkan keadaan perpecahan di kalangan masyarakat dan perpecahan rakyat demikianlah menyebabkan benteng menentang kominis akan lemah dan hancur.

Tuan Yang di-Pertua, benteng menentang bahaya kominis telah pecah, kononnya kerana PAS membuat fitnah, tuduhan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dalam pilihanraya Julai baru-baru ini. Bila ditanya dalam Dewan Rakyat pada 19hb baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir mengakui dan mengulangi lagi tuduhannya ini kononnya PAS lebih bahaya daripada ancaman kominis. Sekarang yang yang terang Dato' Seri Dr Mahathir telah mengakui beliau memang menganggap dan menuduh demikian dengan alasan PAS buat fitnah. Mana bukti menuduh PAS buat fitnah? Kalau ada bukti PAS buat fitnah, seret sahaja ke muka pengadilan. Tanpa bertindak demikian bererti tuduhan itu palsu. Tetapi menuduh PAS lebih bahaya daripada kominis itu diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir. Menganggap kominis kurang bahaya dan parti yang memperjuangkan Islamism lebih bahaya daripada kominis adalah menunjukkan pandangan pihak yang menuduh lebih cenderung kepada fahaman sosialis atau komunis daripada fahaman Islam. Sebab itu fanatik kepada ajaran Islam, dikecam dalam buku karangannya *The Malay Dilemma*.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang berpenduduknya Islam tetapi lari dari fahaman Islam menyebabkan negara itu menjadi negara kominis sekarang ini. Kalau mereka tetap teguh dan api Islamnya tetap bernyalanya nescaya benteng menentang kominis tetap utuh. Tetapi api Islam inilah yang hendak dihapuskan oleh buku *The Malay Dilemma* itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pelajaran tinggi memang menjadi idaman semua kaum dalam zaman sains dan teknologi

sekarang ini. Tanpa modal wang, hasrat untuk mencapai pelajaran tinggi terbengkalai. Bumiputralah yang paling lemah dalam kewangan dan kemudahan-kemudahan pelajaran pula kurang di kawasan-kawasan mereka di luar bandar. Berdasarkan keadaan inilah Kerajaan telah memberi kemudahan biasiswa kepada pelajar-pelajar bumiputra khususnya di luar-luar bandar dan bantuan pelajaran, saya kira jumlah biasiswa yang telah diberi dan kadarnya masih tidak mencukupi. Saya berharap pihak Kerajaan dapat menambah kadar dan bilangan biasiswa kepada anak-anak bumiputra.

Menyentuh soal pelajaran tinggi lagi, Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar-pelajar bumiputra yang diterima masuk ke universiti-universiti tempatan tahun ini telah mulai kurang peratusnya oleh kerana Kerajaan menimbang menaikkan kadar peratus penerimaan pelajar-pelajar bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, pengambilan pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi tahun ini sahaja, pelajar-pelajar bukan bumiputra telah diambil dan dinaikkan kadar peratusnya lebih dari 200 berdasarkan kadar tahun lepas. Kenaikan kadar pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra ke universiti ini menyebabkan kadar pengambilan pelajar-pelajar bumiputra terpaksa diturunkan sedikit. Ini telah berlaku dalam pelaksanaan pada tahun ini. Mungkin kenaikan kadar pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra yang diarahkan oleh pihak Kementerian Pelajaran bagi tahun ini, khasnya pelajar-pelajar Tionghua dengan tujuan untuk mengurangkan desakan kaum Tionghua dalam mendesak penubuhan Universiti Merdeka. Itu tujuannya supaya kadar bukan bumiputra dinaikkan bagi mengurangkan tuntutan kaum Tionghua untuk mendapatkan Universiti Merdeka. Tetapi tolak ansur Kerajaan ini tidak mengurangkan usaha kalangan kaum Tionghua menuju matlamat mereka. Ibarat kata pepatah Melayu: Dapat betis, mahukan peha. Kesimpulannya, kita mahu Kerajaan, janganlah sekali-kali mengurangkan kadar pengambilan pelajar-pelajar bumiputra untuk masuk ke universiti-universiti tempatan pada masa yang akan datang, bahkan hendaklah dilipat-gandakan. Desakan ini perlu oleh kerana memandangkan kepada kemampuan golongan bumiputra yang jauh

kebelakang dalam segi kewangan berbanding dengan kemudahan dan kemampuan bukan bumiputra dalam segi kewangan dan ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perpaduan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan melalui bahasa dan kebudayaan kebangsaan negara ini, saya suka mendapat penjelasan bagaimana pihak Kerajaan boleh campur tangan terhadap ketetapan Universiti Teknologi Malaysia yang telah menetapkan pakaian kebangsaan sebagai pakaian rasmi semasa istiadat konvokesyen mereka. Sehingga Kerajaan terpaksa mengeluarkan arahan supaya universiti itu memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar bukan bumiputra tidak dimestikan memakai uniform kebangsaan itu. Seolah-olah Kerajaan pula tidak mahu perpaduan melalui kebudayaan pakaian kebangsaan dilaksanakan. Akibat daripada arahan Kerajaan kepada Majlis Universiti tersebut, menyebabkan timbulnya tunjuk perasaan oleh pelajar-pelajar. Yang anihnya, pelajar-pelajar mendesak supaya pakaian kebangsaan berwarna hitam itu terus dijadikan pakaian rasmi konvokesyennya sesuai dengan ketetapan pihak universiti mereka dan menentang kelonggaran arahan pihak Kerajaan. Pelajar-pelajar yang menunjuk perasaan itu bertegas jika sekiranya dilonggarkan juga, mereka semua tak akan menyertai konvokesyen, berpunca daripada arahan Kerajaan dan tunjuk perasaan pelajar-pelajar itu akhirnya Majlis Konvokesyen Universiti itu terpaksa ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tak mahu Kerajaan terlampau lembut atau bertolak ansur sangat kepada pelajar bukan bumiputra ini sehingga boleh menjejaskan prinsip Kerajaan sendiri untuk mencapai perpaduan melalui kebudayaan kebangsaan itu dan kita mahu Kerajaan tegas dalam pelaksanaan prinsip melipatgandakan bilangan pelajar-pelajar bumiputra mendapatkan pelajaran tinggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tindakan Kerajaan menolak tuntutan Universiti Merdeka bukan semata-mata kerana bahasa Mandarin menjadi bahasa pengantar universiti itu tetapi universiti swasta tidak patut digalakkan. Kalau pihak penganjur universiti itu mengubah bahasa pengantarnya dari bahasa Mandarin kepada Bahasa Kebangsaan misalnya, cuma beberapa mata-pelajaran tertentu sahaja yang akan diajar

melalui bahasa penghantar Mandarin dan bahasa Inggeris, apa kata pihak Kerajaan dalam masalah ini. Mungkin inilah peranan MCA dalam Kabinet Kerajaan sekarang yang akan diperjuangkan oleh mereka.

Sekali lagi saya berharap Kerajaan hendaklah tetap teguh dalam melaksanakan dasar pelajaran negara ini. Bahkan saya berharap dasar pelajaran negara ini diperlengkapkan dengan lebih banyak lagi didikan dan pembentukan jiwa dan peribadi jenerasi kita masa hadapan supaya masyarakat kita maju, bersatu dan bermoral.

Sekian, saya sekali lagi menyokong usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Puan Hajjah Fatimah.

5.16 ptg.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengambil bahagian berucap membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga menyokong memberi ucapan junjung kasih di atas Titah Ucapan Di Raja itu yang telah dilafazkan pada hari pembukaan itu. Saya sangat tertarik hati atas perkara yang telah dititahkan itu dan kita pun sudah tetap sekarang bahawa Kerajaan kita betul-betul berazam hendak menjaga keamanan dan keselamatan negara. Dan saya juga menyokong penuh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn selaku Ketua Barisan Nasional dan memberi tahniah kerana baru-baru ini Kerajaan Barisan Nasional telah mendapat kemenangan yang gilang gemilang menunjukkan kepercayaan rakyat penuh kepada Barisan Nasional. Apabila satu-satu negara yang berparlimen, tentulah tidak akan mendapat 100% penuh semua kerusinya dapat kepada satu-satu parti, tetapi al-hamdulillah, kita Barisan Nasional mendapat lebih kurang 90% yang telah menyokong Barisan Nasional.

Pada masa Junjungan Nabi Besar kita, Muhammad s.a.w. memerintah negara Islam dahulu pun tidak semua rakyat dan ummatnya yang menyokong Baginda. Rasulullah sendiri telah bersabda tidak semua manusia ini akan sukakan kita dan tidak semua manusia ini akan bencikan kita. Kalau kita

boleh mendapat 60% yang sukakan kita, ini sudah syukur al-hamdulillah dan sekarang kita telah nampak Barisan Nasional telah mempunyai 90% lebih kurang, rakyat menyokong penuh memberikan kepercayaan kepada Barisan Nasional. Saya rasa pada pihak parti-parti Pembangkang akan memandang memang sebetul-betulnyalah Barisan Nasional ini Kerajaan yang berjiwa rakyat dan mengamalkan demokrasi tulen.

Saya juga menyokong dan memberikan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah ke luar negeri dengan bijak pandainya sehingga pelabur-pelabur asing banyak daripadanya akan menanam modal dalam negara kita. Ini menunjukkan satu tanda yang negara kita ini telah dipercayai oleh negara-negara luar bahawa perpaduan rakyat cukup kukuh dan negara ini cukup teguh.

Saya beralih pula kepada soal pelajaran. Menurut keputusan peperiksaan MCE/SPM dan LCE/SRP tahun 1977 menunjukkan kemerosotan telah berlaku. Dalam hal ini pelajar-pelajar di luarbandarlah yang ramai terlibat. Jika kemerosotan ini berpanjangan sudah tentu akan membebankan Kerajaan peluang bekerja. Peluang melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi lagi tidak terjamin.

Saya suka mendapat penjelasan, adakah pelajar-pelajar luarbandar ini memang lembab kerana tekanan alam sekeliling atau kurang mendapat peluang dan kurang mendapat kemudahan seperti yang dinikmati oleh pelajar-pelajar dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa punca-punca kelemahan pelajar-pelajar luarbandar itu adalah disebabkan dua perkara yang besar yang sedang berlaku pada masa ini. Pertama, kerana kekurangan kemudahan peralatan dan kedua, kerana penempatan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah menengah luarbandar selain daripada murid-muridnya yang memang terdidik dengan caranya sendiri daripada anak-anak keluarga miskin kurang pula mendapat kemudahan peralatan sepenuhnya seperti sekolah-sekolah menengah dalam bandar. Dengan itu akan lebih mudahlah melemahkan semangat perlumbaan dalam bidang pelajaran masing-masing, sedangkan mereka yang di bandar mendapat segala apa yang mereka perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan guru-guru berijazah merupakan perkara kedua yang boleh melemahkan kemajuan pelajar-pelajar di luarbandar. Sekolah-sekolah luarbandar kurang mendapat peluang guru-guru berijazah. Saya ada bukti yang menunjukkan setengah-setengah sekolah menengah bandar mendapat lebih ramai guru berijazah, setengah-setengah sekolah jumlahnya hampir 50% dan oleh sebab jumlah guru jenis ini berlebihan, mereka dikenakan mengajar Tingkatan III pada hal Tingkatan III sudah cukup untuk diajar oleh guru biasa sahaja.

Di atas kelemahan yang seperti ini, saya menarik perhatian Dewan ini supaya Kementerian Pelajaran supaya kesilapan-kesilapan yang telah berlaku itu diperbetulkan dengan segera. Kementerian Pelajaran patutlah mengarahkan Pengarah-pengarah Negeri supaya membuat penyelarasan penempatan guru-guru berijazah dengan segera supaya pembahagian atau penempatan guru-guru yang berkenaan benar-benar memberi faedah kepada negara. Menteri yang berkenaan hendaklah selalu memerhatikan supaya keadaan yang tidak seimbang seperti yang ada pada masa ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran ini, saya suka menyentuh perkara lain yang berkaitan dengan peluang bekerja dan bidang-bidang lain yang lebih luas lagi. Kerajaan patutlah sedar bahawa pada masa ini ramai lagi pelajar-pelajar lepasan Institut Teknologi MARA yang masih menganggur. Lepsan Institut Teknologi MARA bermakna bumiputra. Saya suka memajukan pertanyaan, adakah mereka yang masih menganggur ini disebabkan oleh kerana terlalu memilih kerja atau peluang mereka untuk bekerja tidak ada. Kerajaan mengiktiraf kelulusan Institut Teknologi MARA, Kerajaan mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk pengajian tinggi Institut Teknologi MARA dengan tujuan supaya bumiputra mendapat peluang hidup setaraf dengan kaum-kaum yang lain yang lebih maju di negara ini tetapi mengapakah mereka yang mempunyai kelulusan perakaunan, jurubina, jurukur dan lain-lain pengajian tinggi bumiputra tidak dapat membuat dan menubuhkan syarikat sendiri, kebanyakan mereka hanya makan gaji sama ada dengan

Kerajaan atau dengan sektor swasta. Bolehkah Kerajaan memberi penjelasan, bolehkah saya dapat tahu jumlah bumiputra yang menubuhkan syarikat sendiri di dalam bidang ini.

Menurut yang saya difahamkan bahawa niat mereka untuk menubuhkan syarikat perakaunan jurubina dan jurukur terlalu tinggi dengan tujuan peluang-peluang seperti yang diperolehi oleh orang-orang lain—dinikmati oleh mereka. Malangnya harapan mereka itu hancur begitu sahaja atau terpaksa mengambil masa yang terlalu lama untuk mencapai tujuannya iaitu setelah menghadapi halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang diadakan oleh pihak-pihak yang tertentu umpamanya persatuan perakaunan dan sebagainya dan berapa banyakkah bagi bumiputra di dalam perakaunan dan jurukur yang telah mendapat lesennya sendiri.

Saya beralih pula kepada pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan memperbesar Angkatan Bersenjata terutama Tentera Darat patutlah dipuji. Diharapkan dengan pembesaran itu dapat menjamin keselamatan negara. Sungguhpun demikian, pembesaran TUDM dan TLDM agak lambat sedikit, janganlah lupa bahawa kedua-dua bahagian itu merupakan sayap yang sangat penting kepada Tentera Darat. Dasar berkecuali, hidup bersama dan berbaik-baik sangka dengan negara-negara lain yang diamalkan oleh Malaysia tidak bermakna kita terlepas daripada halangan-halangan dan kemungkinan yang tidak diingini berlaku pada masa yang akan datang. Oleh itu pembesaran semua bahagian Angkatan Tentera hendaklah meliputi jenis-jenis senjata moden sesuai dengan zaman ini. Pembesaran bilangan sahaja tidaklah menjamin keselamatan negara. Kelengkapan senjata lama sudah boleh ditandingi oleh penganas-penganas komunis. Dalam pada itu, Kementerian yang berkenaan hendaklah berjaga-jaga supaya senjata yang dibeli itu sebenarnya bukan senjata yang hendak dibuang oleh negara penjual.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Pembangunan. Setelah sekian lama Kerajaan kita berjaya membuka projek perhutanan dan pertanian serancak itu pulalah percerobohan

tanah dan hutan berlaku, di manakah salahnya hingga perkara ini berlaku. Setengah-setengah perceroboh itu melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit di pihak Kerajaan. Apa yang telah dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini dan apakah tindakan Kerajaan terhadap penceroboh-penceroboh ini. Malangnya kes-kes pencerobohan adalah orang-orang yang tertentu itu tidak sedikit pun disuarakan oleh pihak Pembangkang di dalam Dewan Rakyat. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan dengan segera untuk melindungi rakyat yang patuh kepada Perlembagaan dan semangat Rukunegara. Hadapkan mereka yang bersalah di mahkamah mengikut amalan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pembangunan ini juga saya suka membangkitkan perkara perseimbangan penduduk-penduduk bandar. Dasar Kerajaan mendapatkan 30% bumiputra dalam projek perumahan swasta adalah suatu rancangan yang menggalakkan tetapi memandangkan jurang perseimbangan itu masih jauh maka disyorkan supaya anggaran 30% itu diperbesarkan lagi. Di samping itu Kerajaan hendaklah memandang berat pula kepada bumiputra yang bekerja di bandar dan yang berpendapatan kecil. Mereka merupakan pengundi Kerajaan yang sangat patuh. Mereka yang berpendapatan kecil ini sudah tentu tidak termampu untuk membeli rumah swasta seperti di atas tadi kerana mereka adalah lebih menumpukan sara hidup rumah tangga mereka. Melalui Dewan yang mulia ini, saya menyeru supaya Kerajaan mencari ikhtiar menempatkan mereka dengan tempat tinggal yang kekal di dalam bandar. Kemudahan membeli rumah harga murah hendaklah disediakan oleh Kerajaan dalam kawasan bandar. Dengan cara ini akan mempercepatkan lagi rancangan perseimbangan penduduk-penduduk bandar dengan cara yang teratur. Dengan cara ini juga dapat mengekalkan bumiputra tinggal di bandar.

Jika Kerajaan terlalu menumpukan kepada pembangunan luar bandar sahaja dan melupakan rancangan perseimbangan penduduk di bandar melalui keadaan-keadaan yang berlaku sekarang ini, saya khuatir pada satu masa nanti perubahan politik bandar tidak dapat dikawal lagi oleh Kerajaan kita. Oleh itu, saya menegaskan sekali lagi bahawa

perseimbangan penduduk bandar hendaklah dijalankan sekarang demi keselamatan negara, Kerajaan dan bangsa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Syed Hassan Aidid.

5.30 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya juga suka mengambil bahagian berkenaan dengan kakitangan Kerajaan. Ada daripada Ahli Yang Berhormat yang mengatakan kononnya Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Negara marah kepada kakitangan Kerajaan. Yang sebenarnya kita bukanlah marah tetapi kita tegur. Oleh kerana di dalam Islam pun disuruh kita tegur kepada sesiapa yang membuat kesilapan. Kalau kita tidak tegur, maka dosa itu tertimpa kepada kita. Jadi apa yang kita buat ini tiap-tiap yang kita tegur itu bermakna kita sayang, oleh kerana kalau tidak ditegur maka mereka buat kesilapan yang teruk-teruk, boleh jadi satu hari mereka kena buang kerja. Jadi inilah kewajipan kita.

Saya tidak nafikan yang banyak kakitangan-kakitangan Kerajaan yang betul-betul bersemangat, bekerja dengan titik peluh, tidak kira siang dan malam untuk menjalankan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi ada juga sebahagian yang tidak ambil tahu sama sekali, dengan meringan-ringankan, melewatakan pekerjaan masing-masing. Saya sendiri biasa berdekatan dengan pegawai-pegawai Kerajaan di Pulau Pinang, ada juga yang pergi ke pejabat lambat dan apabila kita talipon lepas daripada pukul 9.00 mereka pula pergi ke kantin dan pulang ke rumah sebelum masa yang tertentu dan ada setengah-setengahnya bukan di Pulau Pinang sahaja, bahkan asyik dengan mesyuarat-mesyuarat dan kita tidak tahulah apa mesyuarat itu dan yang lebih menyedihkan apabila pegawai-pegawai Kerajaan ini menghadiri mesyuarat-mesyuarat tidak ada penggantian. Inilah soal yang besar kerana tidak ada orang yang bertanggungjawab atas kerja-kerja mereka ini yang pergi mesyuarat dan ada banyak sejak akhir-akhir ini nampaknya pegawai-pegawai Kerajaan sedang asyik pergi keluar negeri, ke Australia

konon, ke mana kita tidak tahu apa tujuan mereka. Inilah perkara-perkara yang patut Kerajaan ambil perhatian dan saya serta juga rakyat berasa puashati dan relief atas perisytiharaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selepas pilihanraya ini beliau berkata untuk memperbaiki jentera pentadbiran Kerajaan. Kita telah mendengar banyak cara-cara Yang Amat Berhormat telah bercakap di Dewan ini juga baru-baru ini untuk memperbaiki jentera ini tetapi saya syorkan juga selain daripada itu apa kata kalau Menteri-menteri patut melawat tiap-tiap Jabatan dengan tidak diberitahu, dengan mengejut. Inilah satu cara saya fikir dapat beliau melihat dengan mata kepala bagaimana orang-orang queue di pejabat-pejabat, bagaimana pegawai-pegawai ini melayan orang ramai dan sebagainya. Begitu juga patut diadakan Satu Peti Pengaduan supaya orang ramai dapat mengadu. Orang yang bersalah tentu dapat diambil tindakan, orang yang tidak bersalah, yang tidak berdosa; tidak jadi masalah saya ingat.

Dalam masalah Bumiputra gagal di dalam perniagaan dan perusahaan, tidak patut kita salahkan kepada Bumiputra kerana dalam lapangan perniagaan bukanlah satu masalah yang senang didapati. Kalau kita melihat kanak-kanak yang bukan Bumiputra, saya sendiri melihat, ada setengah-setengahnya yang berumur 10 tahun telah belajar dengan bapa dan emaknya berniaga. Kita pula terbalik, pegawai-pegawai atau orang-orang yang sudah bersara 55 tahun, barulah masuk dalam lapangan perniagaan ini. Inilah satu perkara yang saya fikir kita dalam gelap. Kita tidak boleh salahkan kaum Bumiputra.

Apa yang patut kita buat ialah kita berkehendakkan pengalaman. Pengalaman adalah satu masalah bukan boleh dibaca dalam buku, bukan boleh pergi belajar di universiti dan sebagainya bahkan di dalam masa yang panjang untuk memasuki dalam lapangan perniagaan. Jadi kaum Bumiputra berkehendakkan bimbingan. Inilah satu masalah, soal duit saya fikir tidaklah jadi masalah kerana banyak bank-bank swasta termasuk Bank Bumiputra juga bersedia beri pinjaman kepada orang-orang Melayu. Apa yang mendukacitakan ialah berkenaan dengan pengalaman dan bimbingan.

Kita sedia maklum iaitu ada satu unit, Unit Penyertaan Bumiputra. Saya faham Unit ini cuma terletak di Kuala Lumpur

iaitu di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya tidak tahulah kalau ada unit-unit ini di negeri-negeri lain. Kalau tidak ada, saya cadangkan supaya badan ini patut dibesarkan di negeri-negeri yang lain supaya orang-orang kampung dapat nasihat dan bimbingan daripada badan ini.

Saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan Bumiputra di Pulau Pinang. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu iaitu kaum Bumiputra di Pulau Pinang sangatlah kebelakangan dalam ekonomi. Kita tidak ada harapan lain melainkan dapat pertolongan daripada Kerajaan Pusat, dan sepanjang yang saya tahu satu badan yang dinamakan Badan Petugas telahpun ditubuhkan setahun dua dahulu dengan ada pegawainya tetapi malangnya sehingga hari ini saya tidak nampak ada satu pertolongan kepada kaum Bumiputra. Jadi dimanakah tugas-tugas yang dijalankan dan saya dapat tahu kononnya Kerajaan Pusat hendak beri satu fund, entah berapa jutakah, saya tidak tahulah, tetapi sampai hari ini tidak nampak apa benda yang berfaedah. Jadi saya mintalah kalau dapat penjelasan setakat manakah pertolongan-pertolongan yang telah diberi kepada orang-orang Melayu di Pulau Pinang.

Begitu juga berkenaan dengan kotrektor Bumiputra di Pulau Pinang. Kotrektor Bumiputra di Pulau Pinang saya fikir angkanya banyak, tidak kurang daripada 100 hingga 200 ahli-ahli dalam perniagaan kotrektor ini. Tetapi yang mendukacitakan apabila kerja-kerja, projek-projek yang habis, biarpun kerja-kerja JKR ataupun Telekom dan sebagainya, maka wang itu tidak sampai, memakan masa sampai berbulan-bulan sehingga merekapun bosan dan maklum sahajalah orang Bumiputra ini kekurangan duit. Kalau hendak pinjam banyak dan memakan masa yang panjang pula, tentulah terpaksa banyak bayar bunga. Dengan keadaan begini maka projek yang lain itu sesudah buat satu dua projek, duit tidak dapat lagi, terpaksa mereka berhenti kerja. Inilah satu kesulitan dan yang kita tahu iaitu dasar Kerajaan hendak tolong satu pihak tetapi apabila implementasinya tergendala, dimanakah yang dapat kaum Bumiputra berjalan kalau beginilah keadaannya.

Dalam kita menegur jabatan-jabatan Kerajaan, saya hendak beri tahniah kepada Kementerian Pengangkutan. Baru-baru ini

kita telah membaca dalam akhbar iaitu Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan, pegawai-pegawainya telah mengadakan peraturan ujian (test) kepada bakal-bakal pemandu dengan satu cara yang saya nampak cukup baik sehingga kalaulah misalnya 100 orang masuk ujian ini, cuma barangkali dalam 10%-20% sahaja yang lulus. Ini satu cara supaya mengurangkan perlanggaran (accident), kerana kita ketahui, ini menurut Menteri sendiri bercakap iaitu dalam 10 tahun ini antara 700 orang yang telah mati dalam kemalangan sehingga 2,512. Ini satu angka yang cukup besar. Selain daripada peraturan yang saya kata tadi, saya cadangkan lagi satu cara yang lebih baik lagi iaitu kalau didapati pemandu-pemandu ini membuat kesalahan yang besar, yang dihukum oleh mahkamah, patut sangat diendorsekan lesen pemandu-pemandu ini, tidak boleh memandu motokar katalah misalnya 6 bulan. Kalaulah perkara itu teruk sangat sampai membawa kematian, tidak dibenarkan sama sekali memandu motokar. Saya fikir supaya pemandu-pemandu berfikir dua kali, kerana pada masa sekarang ini, saya perhatikan orang-orang yang memandu baik motokar ataupun lori tidak hirau sama sekali (reckless), sesuka hati mereka, tidak peduli undang-undang sama sekali. Saya fikir inilah satu cara supaya mereka memerhati, berfikir dua kali. Kalau ada endorsement, saya fikir adalah lebih baik.

Satu perkara lagi berkenaan dengan Ahli-ahli Dewan Negara ini. Saya junjung tinggi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan Bumiputra yang berikhtiar bercakap dalam Bahasa Malaysia, tetapi ada lagi beberapa orang yang masih lagi minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap dalam bahasa Inggeris, walhal kita tahu kita telah merdeka 21 tahun. Saya tidak fikir dalam 21 tahun ini kaum bukan Bumiputra yang warganegara tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Kalau masa Jepun dalam 4 tahun bukan setakat kita bercakap bahkan menulis dalam bahasa Jepun kita dapat. Kenapa dengan Bahasa Malaysia ini kita tidak dapat gunakan, sedangkan kita cintakan negara, kita cintakan bahasa tetapi kita tidak bercakap dalam Bahasa Malaysia. Saya berharap pada Session yang akan datang, kita semua akan bercakap dalam Bahasa Malaysia. Sekian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Senator Yap Peng.

5.40 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja, sempena pembukaan Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan masalah setinggan. Apa yang dapat kita lihat hingga sekarang, ialah bilangan setinggan semakin hari semakin banyak seperti cendawan tumbuh. Walaupun pihak yang berkenaan telah menjalankan berbagai langkah dan usaha bagi mengatasi masalah setinggan ini, tetapi sehingga hari ini, saya tidak nampak sebarang kesan terhadap penyelesaian masalah ini. Sebagai contoh, sudah sekian banyak rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah kos rendah didirikan, tetapi bilangan rumah-rumah setinggan tidak berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya setinggan-setinggan yang ada di tanahair kita pada hari ini, hendaklah didaftarkan mengikut daerah masing-masing oleh Pegawai-pegawai Daerah, dan pendaftaran ini hendaklah dijalankan sehingga satu tarikh yang tertentu. Penghuni-penghuni setinggan yang berdaftar itu hendaklah diberi pilihan, samada mahu duduk di rumah pangsa atau di rumah kos rendah mengikut kemampuan masing-masing. Pendaftaran penghuni-penghuni setinggan ini hanya perlu dibuat sekali sahaja untuk mengelakkan daripada bertambahnya setinggan-setinggan baru.

Perkara kedua, yang ingin saya nyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan masalah penjaja-penjaja. Sehingga hari ini bilangan penjaja-penjaja terlalu ramai dan terdapat di mana-mana sahaja samada di bandar-bandar besar atau pun kecil. Mereka berniaga di merata-rata tempat, seperti di kaki lima kedai, di perhentian bas, di lorong-lorong sempit, atau di persimpangan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh merasa sangat simpati terhadap keadaan mereka ini. Keadaan mereka seolah-olah terbiar, dan

ada kalanya mereka diburu oleh penguatkuasa undang-undang, apabila mereka berniaga di tempat yang dilarang. Mereka juga berniaga tidak kira panas dan hujan. Dan apabila hujan tertutuplah mata pencarian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah penjaja-penjaja ini, saya suka mencadangkan supaya diadakan beberapa peraturan bagi mengelakkan mereka dari berniaga di sebarang tempat, dan melindungi mereka dari sebarang kesusahan.

Bagi menjaga kepentingan orang ramai dan kepentingan penjaja-penjaja itu sendiri, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan membina sebuah bangunan yang khas di tiap-tiap kawasan yang tertentu bagi menempatkan penjaja-penjaja itu berniaga. Pihak berkenaan boleh mengenakan bayaran sewa yang murah kepada mereka. Ini saya pasti akan dipersetujui oleh penjaja-penjaja nempatkan mereka itu, mereka akan mendapat pelanggan-pelanggan yang tetap tidak kira siang atau malam, panas atau pun hujan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, ialah mengenai masalah lori-lori. Lori adalah satu jenis pengangkutan yang amat mustahak. Bermacam-macam jenis barang dibawa dengan lori. Perkara yang saya hendak timbulkan di sini ialah berkenaan penahanan lori-lori oleh pihak-pihak yang berkuasa. Adalah baik sekiranya ada kerjasama di antara pihak Polis, Kastam, atau RIMV dengan pengusaha-pengusaha lori, iaitu sekiranya sesebuah lori itu ditahan bersabit dengan satu-satu kesalahan, maka lori itu hendaklah dilepaskan secepat mungkin, jangan disimpan kadang-kadang sampai setengah hari. Tindakan melambatkan lori-lori itu dilepaskan akan hanya menyusahkan orang ramai. Sebagai contoh, sebuah lori yang membawa sayur-sayuran yang lambat sampai ke sesuatu tempat itu kerana terlampau lama dalam tahanan Polis akan menyebabkan harga sayur-syuran di tempat yang hendak dituju oleh lori menjadi mahal dan ini adalah membebankan orang ramai.

Di sini saya suka mengambil peluang ini untuk merayu kepada pengusaha-pengusaha dan pemandu-pemandu lori, supaya mematuhi

undang-undang seperti jangan membawa barang-barang yang lebih dari muatan, dan jangan pula membawa terlampau deras atau laju.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berkenaan dengan keadaan Pasar Besar Kuala Lumpur. Sudah sekian lama saya tinggal di Kuala Lumpur, saya dapati keadaan Pasar Besar Kuala Lumpur masih tidak berubah malah boleh dikatakan keadaannya amat jauh ketinggalan. Kalau diambil kira bahawa Kuala Lumpur sudah menjadi sebuah bandaraya yang terkenal di dunia.

Seseorang itu kalau tidak malu pun, akan berasa sedih melihat keadaan Pasar Besar Kuala Lumpur yang begitu kecil dan tidak memuaskan. Di sini saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan, tidakkah ada satu rancangan untuk membina sebuah Pasar Besar Kuala Lumpur yang serba lengkap dan moden?

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh diterima, saya ingin mencadangkan pihak Kerajaan hendaklah mengganti atau mengadakan sebuah Pasar Besar Kuala Lumpur yang baru, di mana terdapat gerai-gerai yang teratur. Kalau sesuai dan praktikal diadakan beberapa tingkat tingginya supaya lengkap dengan tempat-tempat meletak kereta dan kemudahan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dan saya menyokong usul menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk Wee Khoon Hock.

5.53 *ptg.*

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Terima Kasih yang telah dicadangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang pada 23hb Oktober, 1978 baru-baru ini yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil peluang di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakyat Malaysia yang dengan penuh kebijaksanaan memilih dan memberi mandat kepada Parti Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn untuk membentuk satu Kerajaan yang bersih, adil, berani, berdedikasi dan bersungguh-sungguh berjiwa rakyat. Seperti yang dititahkan oleh Baginda kepercayaan yang diberi kepada pemimpin yang jujur, bertanggungjawab dan berpancangan jauh akan memastikan wujud sebuah negara Malaysia yang kukuh, aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini telah membuktikan sikap serdahana parti pemerintah telah diterima oleh rakyat berbilang kaum dan negara kita akan dapat menghadapi masa akan datang dengan penuh optimisma.

Malaysia adalah sebuah negara yang tiada perbandingan kerana bukan sahaja rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang keturunan bahkan juga berbagai agama dan kebudayaan. Perlembagaan Malaysia diciptakan dengan konsep toleransi bersemangat, penuh bersatu padu dengan perasaan persaudaraan satu sama lain untuk semua negara yang stabil, adil dan teguh. Seperti kata pepatah bunyinya dan patut diingati oleh sekalian rakyat: Jikalau ibu pertiwi tidak dapat dipertahankan, tidak mungkin pondok sendiri kita menikmati perlindungan aman.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Negri Sembilan, Yang Amat Berhormat Datuk Rais Yatim atas tindakan Kerajaan Negerinya mengharamkan kerja-kerja pembalakan di sekitar punca air dengan amaran keras bahawa lesen membalak syarikat-syarikat yang melanggar peraturan ini akan ditarik balik. Tujuannya ialah untuk mengelak kesulitan air dan akibat pencemaran alam sekitar. Saya berharap pihak berkuasa di negeri-negeri lain juga patutlah mengambil tindakan yang sama dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kami tentu mengingati Simposium Alam Sekitar di Pulau Pinang yang dianjurkan dalam bulan September oleh Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang di mana ahli-ahli pakar telah

memberi amaran yang teruk terhadap pencemaran alam sekitar negara kita. Seorang penyelidik memberi amaran bahawa projek-projek yang tidak baik di segi alam sekitar mungkin menyebabkan orang ramai terpaksa menanggung beban yang besar, kerana katanya kebanyakan daripada kemusnahan alam sekitar sekarang yang wujud akibat pertumbuhan ekonomi mungkin mendatangkan hasil jangka pendek, tetapi membawa pula beban yang terlindung akibat pencemaran itu adalah dari 200 jenis ikan yang membiak di Kuala Juru sebelum ini, kini cuma tinggal 10 jenis lagi. Dari jenis yang keras dan tidak berharga ini telah mengakibatkan nelayan Kuala Juru setiap tahun kerugian kira-kira \$200,000 hasil tangkapan. Sementara syarikat-syarikat yang membuang hampas beracun mencapai kejayaan yang singkat sahaja. Mengikut Pengerusi Persatuan Pengguna itu ada 42 sungai telah menderita pencemaran akibat sampah-sarap dari kilang-kilang yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kebimbangan rakyat terhadap kerja-kerja pembalakan kawasan Taman Negara Endau-Rompin. Kata seorang penyelidik akibat buruk akan terjadi jika pembalakan di kawasan itu tidak dihentikan segera. Yang penting sekali Taman Negara Endau-Rompin ialah sumber bekalan air untuk Pahang Selatan dan negeri Johor. Kawasan ini ialah punca kejayaan rancangan pembekalan air Kerajaan Negeri Johor yang berbelanja hampir \$60 juta. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan terhadap tadbir Taman Negara Endau-Rompin itu samada Kerajaan mengambil berat akibat buruk pencemaran alam sekitar yang kita hadapi untuk mengkaji sedalam-dalamnya, sedaya-upaya mengurangkan kes yang buruk itu.

Tuan Yang di Pertua, kami mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa 30,000 buah rumah berharga murah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Lebih 10,000 orang membanjiri Pejabat Daerah Ulu Langat untuk mendapatkan 5,000 borang permohonan rumah murah yang belum lagi siap bagi perumahan Taman Sri Ampang, borang yang begitu banyak habis diambil sebelum pukul 11.00 pagi dihari pertama sahaja. Ini telah membuktikan betapa orang ramai terlalu dahagakan rumah-rumah yang berharga murah, bukan

sahaja di Kuala Lumpur bahkan di seluruh tanahair kita. Untuk menambahkan bilangan rumah murah lagi bagi rakyat yang miskin, saya menyeru Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyekat pembinaan-rumah-rumah mahal berharga \$50,000 ke atas kerana golongan yang mampu membeli rumah mahal dapat memberi rumah lain walaupun tanpa rancangan rumah murah untuk mereka itu.

Mengikuti satu ucapan dari Menteri Besar Kelantan, \$11.2 juta telah diperuntukkan bagi 1,877 buah rumah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Kelantan. Saya berharap satu peruntukan rumah murah itu akan dibahagi-bahagikan kepada rakyat keturunan China dan India di Kelantan kerana mereka adalah rakyat yang tidak mempunyai tanah dan menyokong sepenuhnya parti pemerintah Kerajaan Negeri dan Pusat, iaitu Parti Barisan Nasional dengan tegas dan tegas pendiriannya. Saya menyeru rancangan tersebut dapat dilaksanakan secepat mungkin kerana rakyat Kelantan telah lama menunggu dengan sangat ingin akan rumah murah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tentang kekurangan minyak disel, minyak tanah dan gas masak, khasnya di Kelantan yang telah memberi kesusahan kepada orang ramai, khususnya dalam Hari Raya Puasa dan Hari Tahun Baru China. Kekurangan barang-barang ini seringkali dialami apabila kilang minyak petrol itu mahu menaikkan harga tatkala Kerajaan membenarkan kenaikan harga itu, maka pembekalan barang-barang itu adalah cukup. Minyak tanah dan gas masak itu adalah barang perlu di tiap-tiap sebuah rumah-tangga, dengan menaikkan harga barang-barang ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat jelata dan akan merintang usaha-usaha Kerajaan untuk mempertahankan inflasi di dalam negara kita ini. Kerajaan patutlah mengawal keras akan kilang-kilang minyak ini supaya janganlah menggunakan barang-barang perlu ini untuk menaikkan harga dari semasa ke semasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Senator Hajjah Tom Saodah.

6.03 ptg.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Bismillahir-rahmani-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang yang telah di bawa pada mesyuarat Dewan Negara dan saya menjunjung kasih kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan Baginda di dalam pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelima pada 9hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang dapat memegang tampok pemerintah dengan jujur dan ikhlas untuk kepentingan rakyat tidak kira bangsa dan keturunan. Begitu juga bagi pihak wanita seluruhnya mengucapkan terima kasih di atas peranan Perdana Menteri yang telah memberi peluang kepada wanita menjadi calon-calon di dalam pilihanraya baru-baru ini di dalam Dewan Undangan Negeri dan juga dalam Dewan Parlimen. Harapan wanita supaya dapat di tambah lagi seorang dua wanita di dalam Kabinet di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kemenangan pilihanraya baru-baru ini tidak lain dan tidak bukan hanya dengan kesabaran pemimpin-pemimpin kita, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mana di dalam masa pilihanraya baru-baru ini bermacam-macam caci-mencaci daripada pihak Pembangkang, maka pihak pemimpin-pemimpin kita telah bersabar dengan apa yang telah dilakukan di dalam pilihanraya itu. Dengan ini kenalah pada tempatnya yang mana Tuhan telah berfirman dalam Quran yang berbunyi: Innallah-hamas-sabirin—Tuhan bersama dengan orang yang bersabar. Dengan kesabaran itulah maka kita dapat kemenangan pilihanraya yang cemerlang di dalam pilihanraya kita yang telah lepas itu (Tepuk).

Tuan Yang di-Pertua, saya sama juga bersimpati dengan Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin yang telah berbahas kelmarin

yang mana saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada pegawai-pegawai daripada peringkat tinggi hingga sampai peringkat bawah, kerana dengan adanya kerjasama di antara peringkat atasan hingga peringkat bawahan itu maka kita dapat bersama-sama menjalankan tugas kita bersama-sama di dalam Dewan Negara ini. Saya juga berseru dan minta daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita pada hari ini sama-sama turut bersyukur ke hadirat Allah (s.w.t.) yang mana kita dapat kemenangan pilihan-raya di dalam tiap-tiap negeri maka dengan itulah kita sama-sama berada dalam Dewan Negara pada hari ini. Jadi di sinilah tanggungjawab kita bersama, janganlah kita serah tanggungjawab itu kepada pihak Menteri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga kepada pegawai-pegawai tinggi sahaja, kita juga bertanggungjawab bersama sebagai Ahli Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat samalah bertanggungjawab dan kita bekerjasama supaya dapat pihak rakyat kita di luar bandar merasai nikmat-nikmat sepertimana yang kita rasai nikmat di dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya bercakap berkenaan dengan kekosongan jawatan-jawatan yang mana saya telah dapat melihat di dalam suratkhbar pada hari kelmarin yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, iaitu jawatan kosong yang ada 44,280; pada tahun ini (sehingga bulan Jun) ada 11,280 jawatan kosong. Adakah pihak Kerajaan sedar atau tidak bahawa penuntut-penuntut yang keluar daripada Universiti Azhar yang sekarang ini duduk menganggur, tidak ada pekerjaan, yang saya dapat tahu ada 300 orang lebih. Jadi apakah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua? Kalaulah kita tahu penuntut-penuntut ini tidak ada tempat yang mana kerja kosong banyak saya yakin dan percaya, pihak Kerajaan boleh ambil penuntut-penuntut ini. Kita tahu penuntut-penuntut ini keluar daripada kelulusan agama tetapi yang saya dapat tahu mengikut pelajaran, penuntut-penuntut ini ada juga berkelulusan SPM dan juga STP. Jadi, saya yakin dan percaya kalau boleh penuntut-penuntut ini kita letakkan mereka dalam tiap-tiap Jabatan dalam Kerajaan kita ini seperti mana saya dapat tahu, baru-baru ini saya telah melawat Brunei, Kerajaan Brunei telah membuat begitu. Diambil orang-orang yang tahu, berkelulusan B.A. Azhar

dan juga daripada negara-negara lain masuk di dalam Jabatan, kesemua Jabatan, sama ada Jabatan Tanah dan bermacam-macam Jabatan diletakkan orang-orang ini bersama. Dengan ini dapatlah orang-orang ini menanamkan semangat agama di dalam Jabatan itu dan dapatlah kedudukan negara kita ini sepertimana yang disebut-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini juga pemimpin-pemimpin kita yang berucap, kita kenalah menguatkan agama Islam ini, barulah kita selamat dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka bawa berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan. Kita tahu kita telah merdeka selama 21 tahun tetapi saya rasa tidak dapat sepenuhnya kita gunakan bahasa rasmi sebagai Bahasa Kebangsaan, khasnya di dalam pejabat-pejabat bahkan pihak swasta. Selalu saya terima surat dari pihak swasta tidak pernah pun ditulis dalam Bahasa Kebangsaan. Kalaulah kita biarkan begini, saya yakin dan percaya banyak lagi orang-orang lapisan muda sekarang ini tidak mahu membaca surat-suratkhbar bahasa Melayu, hanya mereka itu membaca suratkhbar bahasa Inggeris, sampai anak-anak yang kecil pun tidak nampak langsung suratkhbar bahasa Melayu. Di sini saya yakin dan percaya bahawa ketika saya melawat ke Brunei baru-baru ini, sungguhpun negara Brunei kita tahu mereka itu duduk di bawah penjajahan Inggeris tetapi mereka boleh mengadakan Bahasa Kebangsaan ini sebagai bahasa Brunei.

Bila saya sampai di lapanganterbang saya nampak terbentang tulisan di lapanganterbang itu tulisan Jawi—huruf jawi di atas lapanganterbang Brunei. Di samping itu di bawahnya dituliskan huruf Rumi. Tiap-tiap tempat khasnya panggung wayang sekalipun ditulis bahasa itu, begitu juga papan-papan tanda. Di sinilah saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya kita tegaskanlah Bahasa Kebangsaan ini, barulah kita dapat mencapai apa yang telah disebutkan di dalam Perlembagaan kita, Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sebutkan juga tentang keselamatan dalam negeri. Kalau tidak ada keselamatan, tidak ada pembangunan, saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri telah berusaha supaya dapat keamanan dalam negara kita ini, tetapi saya berharap supaya dapat membanyakkan lagi polis-polis dengan segera, kerana di masa sekarang ini selalu terjadi rompak-merompak, samun-menyamun khususnya di negeri Kedah dan Perlis kerana sempadan dengan Thai, begitu juga seludup-menyeludup seperti dadah, beras dan juga kain-kain melalui Padang Besar kerana di situ bebas orang-orang keluar masuk. Jadi, dengan adanya polis-polis yang banyak itu dapat kita mengurangkan penyeludupan-penyeludupan ini. Bukan sahaja itu, kerbau, lembu pun mereka menyeludup. Mereka buka satu jalan dalam bawa seludup kerbau dan lembu masuk ke dalam negara Malaysia kita ini.

Satu lagi berkenaan dengan tentera dan selalu saya telah menyebutkan berkenaan dengan tentera tetapi hari ini sedikit sahaja yang saya hendak sebut iaitu berkenaan dengan perkakas-perkakas rumah yang diberi kepada tentera, kerana saya dapat tahu banyak perkakas-perkakas itu seperti katil, meja dan lain-lain lagi banyak yang rosak. Saya harap dapatlah pihak Kementerian Pertahanan menyelidik kalau ada yang buruk, lelongkan, belilah yang baru dan beri kepada tentera-tentera supaya dapat mereka duduk dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan MAJUIKAN. Ini satu sebab. Bagi negeri Kedah juga pertanian dan MAJUIKAN itu banyak. Sepertimana saya dapat tahu peruntukan banyak diberi tetapi tidak dapat dijalankan, sebab kekurangan pegawai-pegawai. Di sini saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya hantarlh pegawai-pegawai khasnya ke negeri Kedah yang saya sebutkan ini. Di Kedah telah terjadi wang banyak tetapi tidak dapat menjalankan tugas itu. Di sinilah saya berharap dan mengesyorkan kepada pihak Kerajaan Negeri selama ini kita asyik melaung-laungkan supaya banyak membela ikan air tawar. Dengan itu, saya berharap supaya dapat membanyakkan lagi membela ikan air tawar, sebab ikan-ikan yang sekarang ini kalau di Kuala Lumpur saya percaya ikan bawal sampai \$3-\$4 ikan kembong pun sampai \$2 ada, sebab ikan terlalu kurang. Kalau kita banyakkkan membela ikan air tawar ini dapatlah kita membelakan nasib rakyat yang hendak membeli ikan yang mahal itu

dapat membeli ikan yang berharga murah. Ikan air tawar dan juga ikan air masin, dari apa yang saya dapat tahu sewaktu kaum wanita melawat Indonesia dahulu, Indonesia ada membelakan ikan emas. Ikan emas itu kalau hendak cerita pun panjang sangat. Pihak rombongan saya telah pergi di satu tempat dan mereka sauk ikan itu, bakar hangat-hangat, jamu kepada kumpulan kami itu. Jadi, kalau boleh pihak Kerajaan Malaysia kita ini dapat memelihara ikan yang saya sebutkan itu, kalau kita tak tahu membela kita boleh panggil pakar-pakar dari Indonesia untuk melatih orang-orang kita membela ikan emas itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak sebut berkenaan dengan Titah Ucapan Baginda ada menyebutkan: "Beta yakin bahawa dengan berpegang teguh kepada ajaran ugama dan berpandukan kepada prinsip-prinsip Rukunegara, ancaman penganas kominis dan anasir-anasir anti-nasional dapat dihapuskan." Kita sepanjang masa berpegang teguh kepada ajaran ugama. Kominis boleh dihapuskan tetapi perlu memandang perkembangan di dunia bahawa banyak negara-negara Islam menjadi blok kominis seperti mana Kabul, Yaman Utara, Iraq dan lain-lain lagi. Di samping itu, Kerajaan hendaklah memerhatikan perkembangan ugama Islam di dalam negeri ini supaya tidak dapat dirasuk dan diresap oleh pengaruh kominis:

- (1) Hendaklah menyampaikan ajaran yang mendalam ke atas umat Islam;
- (2) Hendaklah diselaraskan pentadbiran semua Pejabat Ugama Negeri, tidak seperti sekarang secara tak langsung membawa perpecahan umat-umat Islam;
- (3) Dakwah Islam di Malaysia sekarang membawa perpecahan umat Islam. Ini patut diperbetulkan;
- (4) Parti politik yang bercorak Islam patut dikaji semula kerana akibatnya sekarang menjadi permusuhan sesama Islam, caci-mencaci, pulau-memulau yang berpanjangan. Kerajaan patut mencontohi Indonesia mengharamkan terus parti siasah yang bercorak Islam;

(5) Umat Islam jangan selalu terima tekanan dan berpanjangan dalam keadaan kehidupan miskin dan menderita. Kiranya Kerajaan tidak perbetulkan maka umat Islam di negeri ini dengan mudah menerima pengaruh Komunis.

Setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Majlis kita pada hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Haji Fadzil Ahmad.

6.20 ptg.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun menyokong di atas satu usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang untuk disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memberi Titah Ucapan di mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelima, pada 9hb Oktober, 1978 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya rakyat melupakan perbezaan faham politik masing-masing untuk bersatu-padu memberikan sokongan kepada usaha memenuhi semua dasar dan matlamat negara seperti yang telah diputuskan oleh rakyat sendiri sesungguhnya tepat. Bukan sebagaimana untuk masa ini malahan bersesuaian dengan kebudayaan Malaysia buat sepanjang zaman. Saya katakan ini kerana keselamatan, kemajuan dan pembangunan Malaysia adalah bergantung kepada perpaduan rakyat, perpaduan dalam ertikata antara kaum dan sesama kaum. Memandangkan kepada hakikat yang ujud sebelum dan selepas pilihanraya ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah ternyata kuat masih ada unsur-unsur yang cuba mendorong ke arah perpecahan rakyat terutama dari akibat perbezaan ideologi politik parti seperti peristiwa pulau-memulau seperti Ahli Yang Berhormat saudara saya katakan tadi, perkelahian, pembentukan kumpulan atau golongan

adalah satu kenyataan kehidupan terutama-nya di setengah-setengah tempat khususnya di luarbandar. Untuk membaiki masalah ini, adalah memang rumit tetapi ia tetap menjadi cabaran yang mesti diatasi.

Selain daripada usaha-usaha pihak Kerajaan, saya yakin sikap pemimpin-pemimpin parti politik juga dapat menyumbangkan ke arah perpaduan rakyat. Pemimpin-pemimpin politik sepatutnya lebih bertanggungjawab membimbing dan menjamin pemimpin pengikut dan ahli-ahli partinya tentang bahayanya perpecahan bagi perpaduan rakyat ke atas masa depan negara. Tidak guna adanya pemimpin-pemimpin parti yang bercakap menyeru kepada perpaduan tetapi sebaliknya mendorong pengikutnya agar bertindak meruncingkan lagi perselisihan antara rakyat yang berlainan ideologi, nolitik. Di sini saya menyeru dan berseru kepada pemimpin-pemimpin parti politik agar jangan mengapi-apikan untuk menghasut pengikut masing-masing supaya terus berselisih, bermusuhan antara ahli parti dengan parti lain. Pemimpin-pemimpin patutlah menahankan bahaya perpecahan ini dari jarak dekat, pergilah menyeru ke desa-desa, bukannya bercakap dari Ibu Kota sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada soal memajukan negara dan meninggikan taraf hidup rakyat, saya percaya Kerajaan yang wujud sekarang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn iaitu Kerajaan yang berjiwa rakyat dengan niat hendak melaksanakan berbagai rancangan yang dapat memenuhi kehendak yang selama ini rakyat idam-idamkan. Saya penuh keyakinan dengan langkah ini pembangunan negara akan menjadi lebih pesat dan ini dapat pula secara langsung meninggikan taraf hidup rakyat terutamanya rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi hakikat itu, saya menggesa pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melipatgandakan usaha-usaha untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian ini melalui FELCRA, FELDA dan RISDA dan lain-lain

Lembaga adalah amat disanjung tinggi dirasakan alangkah bijaknya jikalau usaha-usaha tersebut diperluaskan lagi, diperluaskan dalam ertikata membuka lebih banyak tanah atau di kawasan tiap-tiap negeri kita ini. Saya tidak dapat menafikan bahawa Kementerian ini memang telah menyusun rancangannya yang rapi dan masih menjalankan penyelidikan serta kajian yang lebih mendalam terhadap rancangan-rancangan tetapi yang menarik perhatian saya ialah diharapkan pada masa-masa yang akan datang, Kementerian ini hendaklah memastikan betul-betul bakal-bakal peneroka itu adalah mereka itu benar-benar terdiri daripada orang-orang miskin ataupun mereka yang betul-betul tidak mempunyai tanah. Saya tahu ini amat sukar dan rumit juga bagi pihak Kementerian ini memastikan hal ini, tetapi rasa saya persoalan ini tidaklah begitu rumit yang dijangkakan jikalau pegawai-pegawai sendiri dapat pergi ke kampung-kampung untuk membuat pemilihan dan bukannya pemilihan berdasarkan kepada borang-borang permohonan semata-mata. Saya juga ingin menyuarakan sedikit tentang petani-petani khasnya petani-petani di negeri Kedah dan negeri Perlis.

Perubahan ekonomi petani daripada tahap tradisi kepada tahap moden telah menimbulkan beberapa rangkaian kesan dan masalah yang nyata iaitu dengan pertambahan.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk sebentar.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (I), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hingga pukul 7.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Perua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (I), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perubahan ekonomi pertanian daripada tahap tradisi kepada tahap moden telah menimbulkan beberapa rangkaian kesan dan masalah yang nyata, iaitu dengan pertambahan di dalam berbagai keperluan untuk tenaga penggerak moden, keperluan kepada seperti baja kimia, racun serangga, baka-baka baik dan sebagainya, memerlukan kredit dan pembiayaan yang agak banyak juga. Jadi masalah kredit dan pembiayaan ini adalah satu bebanan yang terpaksa para petani pikulkan dari dahulu lagi, walaupun negara kita telah mencapai ke taraf ekonomi yang memuaskan.

Memandangkan kepada hakikat ini, saya menyeru kepada Kementerian Pertanian agar memandang berat dan cuba mengambil langkah yang konkrit bertindak mengatasi perkara ini secepat mungkin supaya tidak ramai lagi rakyat di negara kita yang hidupnya sentiasa berhutang. Bantuan dan subsidi amat perlu ditambah dan dibahagi-bahagikan kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukan ataupun agensi Kerajaan yang memberi atau mengeluarkan pinjaman atau kredit kepada petani hendaklah merendahkan lagi kadar faedah yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang para nelayan di negara kita ini. Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian yang berkenaan terhadap mengubah dan membangunkan corak hidup nelayan nampaknya masih perlu dibuat pengkajian yang lebih mendalam lagi. Ini adalah kerana banyak kelemahan-kelemahan terdapat di dalam perlaksanaannya, umpamanya rancangan MAJUIKAN yang ditubuhkan di beberapa tempat di negara kita ini.

Saya ingin menyeru agar projek yang suci ini dikaji dengan lebih teliti lagi sebelum ianya dilaksanakan lagi di beberapa tempat. Bila pelaksanaannya berjalan, biarlah ianya betul-betul membawa rahmat kepada nelayan kita bukannya kepada segolongan yang tertentu sahaja. Akan bantuan-bantuan yang bercorak pemberian pukut dan sebagainya diharapkan ianya memperluaskan lagi dan menyasat agar mereka yang telah menerima bantuan tersebut tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menge-yorkan kepada pihak yang berkenaan iaitu sebuah kursus ataupun matapelajaran kursus mengenai perikanan dan sumber lautan hendaklah diadakan di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ini. Telah banyak bidang pelajaran telah diadakan di pusat-pusat pengajian tinggi, tetapi sayangnya bidang ini belum lagi difikirkan ataupun dapat diadakan. Dengan wujudnya pengajian dalam bidang ini nanti akan muncullah cerdek pandai yang khusus dalam bidang tersebut dan mereka ini akan dapat membantu para nelayan kita yang kebanyakannya masih dalam keadaan penangkap ikan secara traditional.

Apabila menyebut hal kelautan, teringatlah saya akan keadaan Pulau Langkawi yang terletak terpisah dari tanah daratan. Memang Pulau Langkawi ini sudahpun mendapat perhatian yang wajar dari pihak Kerajaan setelah negara kita mencapai kemerdekaan. Tetapi satu masalah yang selama ini dirasakan perlu diatasi dengan kadar yang segera oleh pihak yang ada kaitan dengannya iaitu Kementerian Kesihatan ialah masalah membawa atau menghantar pesakit yang di dalam keadaan tenat dan memerlukan rawatan kecemasan segera di tanah daratan. Semenjak dahulu sehinggalah sekarang perkara ini amat merumitkan sekali. Kalau ada kes yang tenat, pihak Rumah Sakit di Pulau Langkawi terpaksa menghantarkan pesakit tersebut dengan bot tambang swasta dan ini amat menyedihkan kerana kemudahan yang lengkap tidak ada. Oleh itu, saya berharap agar mendapat perhatian kepada pihak yang berkenaan agar sebuah bot khas untuk membawa pesakit yang memerlukan rawatan segera patut diadakan. Kalau boleh, bot itu biarlah disediakan kemudahan-kemudahan rawatan kecemasan semasa di dalam perjalanan dan boleh bergerak dengan lebih laju.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim.

6.34 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mesyuarat yang pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelima pada 9hb Oktober, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan masalah kawalan dan keselamatan sempadan di antara Malaysia dengan Thailand sama ada di darat, di laut dan kawasan-kawasan yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah ini sebagaimana yang kita termaklum baharu-baharu ini boleh dikatakan dalam dua tiga bulan ini selang sehari atau dua kejadian-kejadian samun, curi, rompak, colek dan bermacam-macam lagi berlaku di sempadan. Lebih-lebih lagi keadaan di negeri Perlis boleh dikatakan kilang-kilang perusahaan hanya beberapa buah sahaja yang ada, yang terbesarnya sedikit ialah kilang gula ataupun kilang simen. Jadi, keadaan pekerja-pekerja di kilang gula itu ada lebih kurang 2,000 orang pekerja yang ada di situ dan keadaan pekerja-pekerja hari ini merasa bimbang di atas keadaan-keadaan yang berlaku iaitu sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi: samun, curi motosikal; curi motosikal berlaku hari-hari. Motokar-motokar dicuri dan begitu juga mencolek taukeh-taukeh yang pergi hendak membayar gaji ataupun datang ke situ hendak menolong buruh-buruh tersebut. Lebih-lebih lagi kalau penanaman-penanam modal yang hendak membuat kilang-kilang di negeri Perlis berasa bimbang dan takut atas kejadian-kejadian yang terdengar ataupun betul-betul terjadi di dalam negeri Perlis.

Boleh dikatakan dalam masa tiga bulan ini iaitu pada bulan Julai sebanyak 24 buah motokar hilang, bulan Ogos 18 buah dan bulan September, 18 buah; dalam tiga bulan kecurian berlaku atas motokar sahaja, motosikal belum lagi dikira. Motosikal ini sehinggakan baharu-baharu ini berhampiran dengan kampung saya, seorang pekerja itu pergi ke bendang sahaja dalam masa tak sampai 15 minit, letak motosikalnya di atas

batas bendang tempat dia bekerja, dia masuk dalam bendang, tengah-tengah dia bekerja itu motosikalnya itu diambil, dia sendiri lihat motosikalnya itu dibawa lari terus, selepas itu hilang ghaib. Inilah keadaan yang saya katakan tadi, kawalan sempadan patut diperketatkan. Dengan keadaan-keadaan yang begini, kita mengucapkan terima kasih atas langkah Kerajaan di dalam beberapa cara untuk mengatasi masalah ini iaitu salah satunya sebagaimana yang kita tahu Kerajaan kita atas daya usaha pandangan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad telah membuat pagar sepanjang sempadan yang mana pagar itu panjangnya lebih kurang 17 batu memakan belanja \$48 juta. Begitu juga diadakan bahagian-bahagian yang lain sebagaimana Yunit Kawalan Keselamatan (UKK) dan juga Yunit Mencegah Penyeludupan (UPP), kita ucapkan terima kasih. Dengan adanya dua tiga perkara yang telah diberi pandangan oleh Kerajaan dan telah dijalankan oleh yunit-yunit ini maka banyak telah dapat ditangkap penyeludup-penyeludup ataupun penyamun-penyamun, pencuri-pencuri ini atas daya usaha yang telah dijalankan itu. Tetapi apa yang kita harapkan kepada Kerajaan supaya yunit-yunit ini ditambah dan pagar yang dibuat itu diperkemarkan lagi, kerana pagar-pagar ini bila siap sekerat jalan dibuat, sekerat jalan pula diguntingnya, jadi berbagai-bagai cara dibuatnya pada pagar ini. Tetapi kita percaya Kerajaan kita akan berusaha di dalam kebijaksanaan dan kepandaian pihak penyeludup ataupun penyamun-penyamun dan pencuri-pencuri motorak dan motosikal ini untuk melarikan ke seberang sempadan itu, cara-cara ini kita percaya Kerajaan kita sedang mencari jalan dan kawalan di tepi-tepi pagar itu pun memanglah tidak begitu mencukupi lagi. Kalau perhatikan penyeludupan-penyeludupan bahkan di Padang Besar di dalam pekan itu sendiri tiap-tiap hari pagar itu kena tetas tidak berhenti-henti. Walaupun begitu keuntungannya banyak terdapat dengan adanya pagar-pagar ini, kerana barang-barang penyeludupan atau barang-barang yang dibeli daripada sebelah sempadan itu dapat dikutip cukai-cukainya. Tetapi hanya kawalan sahaja belum begitu kuat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga baharu-baharu ini sebagaimana kita tahu

pencolek-pencolek tadi, sehinggakan pencolek ini telah mencolek tiga orang taukeh China yang hendak pergi membayar gaji di situ dengan membawa wang sebanyak \$2,600 dengan sebuah kereta dan telah dicolek oleh pencolek-pencolek itu sehinggakan sampai 11 hari, baharu dapat balik taukeh ini yang mana pencolek-pencolek telah meminta tebusan sebanyak \$180,000. Dan dengan kebijaksanaan Pasukan Keselamatan kita khususnya CPO Kedah/Perlis dan OCPD Kangar, begitu juga dengan kerjasama Ketua Polis Thailand, iaitu Haadyai dan Setoi, maka dengan adanya kerjasama ini, dapatlah ditangkap pencolek-pencolek ini dan dapat diambil balik 3 orang ini di dalam satu tempat yang telah ditempatkan oleh pencolek-pencolek itu.

Setelah tertangkap lebih kurang 22 orang lebih itu, maka keadaan samun, curi telah berkurangan. Ada seorang daripada orang-orang yang dapat ditangkap ini yang banyak melakukan samun curi dan lain-lain lagi di kawasan itu. Inilah satu kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Polis dan yang dapat kerjasama daripada pihak jiran tetangga kita. Kita ucapkan terima kasih kepada OCPD Kangar dan yunit-yunit yang saya ceritakan tadi yang bekerja siang dan malam.

Di Padang Besar ini kalau hendak diambil pandangan berkenaan dengan pelawat-pelawat, pelancung-pelancung kita khasnya di dalam negeri, barangkali kita katakan di Malaysia ini tahu keadaan di Padang Besar ini yang sebenarnya. Sungguhpun Padang Besar itu hanya ada sebuah stesyen keretapi yang tidak begitu ramai tetapi pelancung-pelancung tiap-tiap hari beratus-ratus dan pada hari minggu selepas hari Jumaat ataupun hari Ahad 50-60 buah bas, manusia ada di situ pada tiap-tiap hari Jumaat dan hari Ahad. Dengan keadaan begini pelancung-pelancung ini bila sampai ke sana telah menyeberang ke seberang bandar untuk membeli-belah di mana kita nampak banyak barang-barang yang murah dapat dibeli di sana, seperti beras, buah-buahan, kain-kain baju kesemuanya kalau kita pergi tengok kenderaan sahaja. Kenderaan kereta ini tidak kiralah pada hari-hari yang saya sebutkan tadi, hari Jumaat sampai hari Ahad iaitu orang tidak nampaklah di sebelah Padang Besar, di sebelah Malaysia kita. Hanya orang itu lepas ke sebelah sana membeli barang-barang yang murah dan setengahnya

terus sampai ke Haadyai mendapatkan barang-barang yang murah ini dan balik semula.

Saya harap Kerajaan kita dapat menghantar orang-orang yang pakar melawat ke sana untuk melihat bagaimana hendak memajukan dalam kawasan Malaysia sendiri supaya duit yang beribu-ribu yang dicurahkan ke sana itu dapat dicurahkan dalam negara kita khasnya di Padang Besar itu ataupun di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Padang Besar itu ataupun di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Padang Besar itu supaya dapat pelancung-pelancung kita atau duit-duit kita ini tidak hilang ke sebelah sana, dapat bagaimana cara mengatasi masalah-masalah, kemudahan-kemudahan yang terdapat kepada pelancung-pelancung dalam negeri kita sendiri yang datang ke Padang Besar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan yang saya katakan tadi berkenaan dengan kawalan keselamatan ini, barangkali sudah sepatutnyalah bagi Kerajaan menimbangkan untuk menempatkan Pasukan Keselamatan kita ataupun askar-askar kita yang berhampiran dengan sempadan itu supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi ini dapat diatasi. Oleh sebab kawalan ini sebagai kawalan sambil lalu saya katakan, iaitu sambil kenderaan itu berjalan, mulalah berlaku perkara-perkara ini tetapi kalau ditempatkan askar-askar kita ataupun pasukan Polis yang tetap di kawasan-kawasan yang berhampiran ini lebih banyak lagi daripada yang ada sekarang ini barangkali perkara-perkara ini dapat diatasi. Kalau tidak, sebagaimana, yang saya sebutkan tadi susahlah keadaan di Perlis untuk mendapatkan kemajuan berkenaan dengan perkilangan dan keselamatan kepada pekerja-pekerja yang ada di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita pandang pula keadaan di sebelah laut iaitu di sebelah perenggan kita di antara Kuala Perlis ke Setoi ke kawasan lain yang ada di situ, kebanyakan penduduk-penduduk Kuala Perlis ini pergi ke laut, boleh dikatakan 90% semuanya pergi bekerja di laut. Keadaan keselamatan kawalan di laut ini juga terancam. Sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam sebulan dua ini satu kejadian samun bot nelayan kita

yang telah pergi menangkap ikan telah disamun secara terang-terang dan dengan keadaan yang sebeginilah yang menyusahkan nelayan-nelayan ini yang mana kawalan di laut ini hanya ada sebuah bot besar yang ada di Langkawi, selain dari itu hanya ada bot kecil Polis sendiri, tentulah tidak memadai dengan keadaan bot yang ada di Langkawi itu. Dengan keadaan laut yang begitu panjang, tentulah tidak dapat mengawal perairan di situ. Apa yang kita harapkan semoga Kerajaan akan menempatkan satu Pasukan Polis Laut di Langkawi di samping dapat menghambat lanun-lanun di situ serta dapat menjaga kawasan-kawasan itu daripada penyeludupan ataupun samun menyamun dan menyelamatkan nelayan-nelayan yang pergi ke laut. Inilah salah satu daripada jalannya yang dapat di atasi.

Selain daripada itu kawalan keselamatan sempadan ini saya rasa sudah sampai masanya negara kita mengadakan helicopter untuk kawalan laut dan kawalan darat. Dengan adanya helicopter ini lebih memperkokohkan, memperkuat lagi pandangan atau pemerhatian kepada penyeludup atau lanun-lanun penganas-penganas yang ada di laut dan juga di darat. Maka di dalam masalah keselamatan sempadan ini kita berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh dalam perkara ini.

Bersangkutan dengan penyeludupan ini, banyak telah dibangkitkan mengenai penyeludupan dadah, penyeludupan senjata yang berlaku di kawasan sempadan kita. Perkara seperti ini terutama mengenai pengangkutan yang berulang-alik sama ada bot-bot ataupun lori-lori patutlah diperketatkan. Banyak kebimbangan telah berlaku bila mana lori-lori yang membawa ikan basah yang bertong-tong, yang berpikul-pikul beratnya tidak dapat diperiksa atau dikawal oleh pihak-pihak keselamatan, Kastam dan lain-lain. Maka inilah yang membimbangkan kepada kita semua, terutama sekali barang-barang yang sampai daripada negeri jiran kita melalui laut yang dibawa ke darat dengan cara ikan busuk atau ikan lain-lain yang serupa juga keadaannya. Maka atas kebimbangan ini rakyat Malaysia khasnya rakyat negeri Perlis berasa sungguh-sungguh bimbang dengan keadaan yang boleh berlaku pada tiap-tiap hari.

Umpamanya, kita kata keadaan lori yang berulang-alik kalau kita pergi pada sebelah

petang jam 5.30 hingga 6.30 kita dapati lori-lori ada lebih kurang 50-60 buah yang ada di sempadan masuk ke Malaysia. Kita tidak tahu di jalan-jalan yang sulit ini mereka bekerja dan banyak yang dapat kita tangkap apabila terlibat dengan penyeludupan dadah dan sebagainya. Lebih-lebih lagi dengan keadaan yang sebegitu susah untuk dikesan oleh pihak Kastam ataupun Polis, tentulah memudahkan lagi penyeludup-penyeludup menggunakan kenderaan-kenderaan itu. Kita berharap pandangan dan perhatian Kerajaan di dalam masalah keselamatan sempadan ini patutlah diperketatkan dengan secepat mungkin yang boleh dan jangan dilengahkan. Kita tahu berbagai-bagai perkara yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk mencegah perkara-perkara ini tetapi hanya ura-ura ataupun perkara itu masih di dalam pertimbangan dari masa ke semasa sedangkan benda ini berjalan dengan begitu giat sepertimana yang berlaku pada hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ringkaskan.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudukan negeri Perlis yang mana hasil pendapatannya hanya daripada pendapatan hasil tanah sahaja, maka kesemuanya ini tentulah menjadi kesusahan kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan rancangan-rancangan memajukan negeri Perlis. Memang kita tidak nafikan bahawa Kerajaan Pusat telah memberi bantuan yang begitu banyak kepada negeri Perlis pada masa yang telah lalu. Ini kita ucapkan terima kasih. Walaupun begitu pada hari ini, saya merayu dan meminta kepada pihak Kerajaan Pusat untuk membantu negeri Perlis bagi memajukan negeri itu sepertimana negeri-negeri lain yang telah maju. Dengan bantuan-bantuan yang diberi dalam bentuk kewangan ini juga tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara yang begitu apa yang patut dan diminta oleh Kerajaan Negeri ialah dengan pegawai-pegawai atau pakar-pakar bagi melaksanakan kerja-kerja yang telah ditetapkan dan peruntukan-peruntukan yang besar yang diberi itu tidak dapat dijalankan sekiranya tidak ada pakar-pakar atau pegawai-pegawai yang cukup di tiap-tiap Jabatan yang ada di dalam negeri Perlis. Pada masa ini saya nampak masih lagi kekurangan rakyat berkehendakkan kepada kemajuan dan minta

kepada Kerajaan tetapi perlaksanaannya lambat. Dan kadang-kadang dengan kerana hendak mempercepatkan sangat, kerja-kerja itu akan terbengkalai dan kerugian pula akan didapati oleh pihak Kerajaan Negeri, sebab ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis mengalami kerugian akibat terbengkalainya projek yang dibuat tetapi tidak dijalankan oleh kerana kekurangan kakitangan dan pekerja.

Jadi dengan kerana itu, kita berharap kepada Kerajaan Pusat selain daripada peruntukan kewangan yang lebih kepada negeri Perlis yang kecil dan mundur ini, maka kita berkehendakkan kepada pakar-pakar atau pekerja yang dapat menjalankan projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai rungutan rakyat negeri Perlis mengenai penyelesaian atau perbicaraan berkenaan dengan harta pesaka yang terlampau lambat dilaksanakan. Kita tahu perbicaraan atas perkara ini dijalankan oleh dua bahagian. Satu bahagian harta pesaka yang terpaksa dibawa ke Mahkamah Tinggi yang bernilai \$50,000 dan satu bahagian lagi yang bernilai \$50,000 ke bawah diselesaikan di negeri-negeri. Kebanyakan kes yang bernilai \$50,000 ke bawah ini juga amat mendukacitakan rakyat. Saya ingat ini berlaku di tiap-tiap negeri. Tetapi negeri Perlis, saya difahamkan ada 200 kes telah diselesaikan. Setelah itu perkara ini dihantar ke Pusat untuk mendapat pengesahan iaitu satu borang yang bernama Borang "C". Setelah mendapat pengesahan Borang "C" ini dari Pusat maka barulah kes itu dapat diselesaikan. Mendapatkan Borang "C" ini adalah menjadi kelambatan. Barangkali proses untuk Borang "C" inilah yang menjadi kelewatan. Boleh jadi disebabkan kekurangan kakitangan.

Maka kita berharap kepada Kerajaan di dalam menyelesaikan masalah harta pesaka ini yang mana di Pusat juga patut ditambah kakitangan, kalau tidak, sudah tentu perkara ini tidak akan berlaku sampai enam bulan hingga setahun baru dapat Borang C itu. Dan kalau seseorang itu berkehendakkan juga perkara itu, maka ia dikehendaki datang sendiri. Bila datang, kadang-kadang serta-merta boleh dapat. Jadi di situlah kita nampak kekurangan kakitangan di Jabatan yang tersebut.

Di negeri-negeri pula di dalam soal ini tidak begitu menyusahkan dan dapat diselesaikan, tetapi oleh kerana Borang "C" ini tidak sampai, maka tertunggu-tunggulah pihak pegawai-pegawai di negeri itu yang tidak dapat menjalankan tugasnya.

Dalam perkara ini kita berharap Kerajaan akan dapat mengambil perhatian dan menambah kakitangan sekiranya didapati di dalam Jabatan ini masih kekurangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Abdullah bin Salleh.

7.00 mlm.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda dipembukaan Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelima pada 9hb Oktober, 1978 yang lalu, yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang.

Di dalam Titah Baginda di antara lain Baginda telah menyebut:

"Rakyat beta telah membuktikan bahawa mereka mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk memajukan negara dan meninggikan taraf hidup kita."

Kita sedia maklum untuk memajukan sesebuah negara dan bagi meninggikan taraf hidup rakyat di sesebuah negara itu maka rakyat di negara itu hendaklah dibekalkan, hendaklah diberi dengan pengajaran yang cukup, kerana pelajaranlah yang boleh membawa di sesebuah negara itu untuk jadi maju dan dapat meninggikan taraf hidup rakyat di negara kita. Dengan yang demikian di sini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan mutu pelajaran di sekolah-sekolah pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita tahu pada masa ini sedang hangat diperkatakan orang di sana-sini bahkan di seluruh pelusuk tanahair di negara kita tentang kelemahan-kelemahan pelajaran murid-murid di sekolah di negara kita pada masa ini. Kelemahan-kelemahan ini bukan sahaja tertumpu kepada mata-mata pelajaran yang tertentu seperti pelajaran

Ilmu Hisab, pelajaran Ilmu Sains, Bahasa Inggeris bahkan meliputi keseluruhan mata pelajaran seperti yang diketahui umum ada yang tidak tahu membaca dan menulis nama mereka sendiri walaupun murid-murid itu berada di Darjah 6 dan di Tingkatan I. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi masalah itu dengan mengadakan berbagai-bagai kursus kepada guru-guru seperti kursus kepada guru-guru Ilmu Hisab, Ilmu Sains, Bahasa Inggeris, guru-guru bimbingan dan berbagai-bagai lagi, manakala di sekolah-sekolah pula diadakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, gunanya bagi merapatkan, bagi mendekatkan dan bagi menjalin rasa persefahaman di antara ibu bapa dengan guru-guru. Tujuannya ialah untuk mencari jalan bagaimana hendak memajukan sesebuah sekolah itu terutama di bidang pelajaran. Usaha-usaha ini sedang dijalankan dan saya percaya akan dipergiatkan lagi, namun demikian keadaan murid-murid di sekolah masih dalam keadaan yang kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan murid-murid di sekolah-sekolah pada masa ini, saya tidak mahu menyalahkan sesiapa pun, tidak mahu menyalahkan ibu bapa, tidak mahu menyalahkan guru-guru dan jauh sekali daripada mahu menyalahkan Kementerian Pelajaran, kerana kelemahan yang berlaku itu mungkin kerana kita belum dapat lagi suatu jalan yang betul yang boleh mengatasi. Namun demikian di sini saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran kepada beberapa perkara yang saya akan sebutkan.

Yang pertama, pada masa ini bilangan murid-murid pada satu-satu darjah dihadkan sehingga 50 orang. Ini adalah satu bilangan yang agak ramai dan mungkin ada di antara sekolah-sekolah yang melebihi daripada 50 orang.

Yang kedua, bilangan guru-guru yang mengajar di sesebuah sekolah itu rationnya, peruntukan guru 1:2 orang bagi satu darjah pada sekolah rendah manakala sekolah menengah pula dikira 1:3 bagi satu darjah, ertinya kalau sekolah rendah itu mempunyai aliran 10 darjah maka guru di sekolah itu mempunyai 12 orang guru. Ini termasuk Guru Besar, Guru Kanan, Guru Bahasa Inggeris dan juga guru yang mengajar Pelajaran Ugama.

Yang ketiga, manakala sekolah menengah pula akan ditambah lagi dengan Guru Perpustakaan dan Guru Bimbingan dan sebagainya. Pada mata pelajaran masa yang diperuntukan pada mata pelajaran bagi sekolah rendah hanya 30 minit dan sekolah menengah 40 minit di dalam satu mata pelajaran.

Yang keempat, peruntukan wang yang diberi kepada sekolah-sekolah ini secara umumnya dikira sama iaitu mengikut bilangan murid, misalnya kalau seorang murid pada setahun diberi \$10, sekolah yang ada mempunyai bilangan murid 200 orang, sekolah itu akan diperuntukan sebanyak \$2,000. Tetapi manakala sekolah yang murid-muridnya mempunyai bilangan seramai 1,000 orang maka sekolah itu akan dapat \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi bilangan murid-murid seramai 50 orang pada satu-satu darjah yang dihadkan dan masa yang diperuntukan sebanyak 30 minit. Katakanlah seorang guru dapat mengawasi, dapat menjaga murid-muridnya pada seorang satu minit. Di sini kita dapati kemampuan guru itu ialah dapat mengawasi sebanyak 30 orang murid. Jadi yang 20 orang lagi ialah tidak dapat satu pengawasan yang cukup. Kalau kita misalkan sebuah sekolah itu mempunyai 10 aliran darjah, kalau satu darjah sudah 20 orang yang tidak mendapat perhatian yang betul daripada guru maka sekolah itu akan kita dapati sebanyak 200 orang. Jika sebuah sekolah seramai 200 orang tidak mendapat perhatian yang secukupnya daripada guru, kalau 10 buah sekolah, ia akan mencapai angka 20,000 orang murid.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat, apakah dan berapa banyakkah sekolah-sekolah yang ada di negara kita. Berbalik kita kepada guru-guru. Saya misalkan ada 10 aliran darjah, kita hanya dapat 10 orang guru dan dengan 10 orang inilah yang diuntukkan Guru Besar, Guru Kanan, Guru Bahasa Inggeris, Guru Bimbingan dan guru yang mengajar Pelajaran Ugama. Keadaan guru yang begini, sudah tentu tidak mencukupi untuk mengawasi dengan secara yang wajar.

Selain daripada itu tentang pemberian wang kepada sekolah-sekolah sama ada sekolah itu kecil atau sekolah itu besar, alat-alat dan perkakas-perkakas yang hendak

digunakan adalah sama sahaja. Alat-alat dan perkakas-perkakas inilah yang akan menolong kepada kanak-kanak bagi sesebuah sekolah.

Selain daripada itu aktiviti-aktiviti di sekolah ini adalah satu perkara yang mustahak kepada murid-murid. Kita tahu orang pernah berkata: Otak yang cergas itu datang daripada badan yang sihat. Tetapi jika seseorang murid itu dibebankan dengan tugas-tugas yang banyak, saya rasa tentulah keadaan ini akan menyusahkan kepada murid-murid itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran atas beberapa perkara yang saya sebutkan tadi semoga mendapat perhatian.

Yang pertama, bilangan murid-murid di sekolah rendah hendaklah dihadkan kepada 30 orang bagi tiap-tiap satu darjah dan sekolah menengah kepada 40 orang pada tiap-tiap satu darjah. Ini adalah menasabah kepada masa yang diuntukkan 30 minit kepada 30 orang, bererti seorang murid mendapat perhatian daripada gurunya sendiri 1 minit.

Yang kedua, bilangan guru-guru hendaklah ditambah daripada ratio sekolah rendah 1:2 hendaklah kepada 1:3 dan sekolah menengah kepada 1:4.

Yang ketiga, wang peruntukan kepada sekolah-sekolah hendaklah ditambahkan lagi, terutama kepada sekolah-sekolah yang kecil. Bila saya sebutkan sekolah-sekolah yang kecil adalah dengan sendirinya kita memahami sekolah-sekolah di luar bandar.

Yang keempat, aktiviti-aktiviti sekolah yang melibatkan murid-murid hendaklah disusun dengan baik dan dengan betul supaya tiap-tiap murid-murid itu dapat merasa semua dan tidak pula membebankan ke atas murid-murid yang handal sahaja.

Selain daripada itu, saya rasa pelawat-pelawat sepertimana Nazir-nazir sekarang ini kurang berjaya bagi memperbaiki mutu pelajaran di sekolah-sekolah, kerana Nazir-nazir ini hanya setahun sekali ataupun setahun dua kali yang mereka dapat datang ke sekolah-sekolah. Ada lebih baik kita banyakkan lagi pelawat-pelawat, penyelia-penyelia tempatan sepertimana yang dilakukan di zaman penjajahan dahulu, bila saya

sebut zaman penjajahan adalah zaman yang lama tetapi hendaklah kita ingat yang lama itu bukan semuanya tak baik dan yang baru itu bukan semuanya baik.

7.13 *mlm.*

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul mengucapkan Terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda pada ketika membuka Penggal Pertama bagi Parlimen Kelima pada 9hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menyeru kepada rakyat berbagai bangsa di dalam negara ini supaya berganding bahu menyokong usaha-usaha mulia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam usaha bersungguh-sungguh memupukkan suatu perasaan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menegaskan dan saya petik di sini: "Kemajuan yang dicapai dalam bidang ekonomi, sosial dan politik tidak akan dinikmati berterusan, sekiranya kaum-kaum yang menjadi warganegara Malaysia yang dicintai ini tidak bersatu. Perbezaan dari ciri-ciri keturunan, agama, kebudayaan dan fahaman politik hendaknya tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan. Sikap toleransi perlu dikekalkan."

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya Duli Yang Maha Mulia telah menyentuhkan ke atas satu perkara yang mustahak—satu perkara yang sememangnya menjadi tumpuan perhatian utama negara iaitu semangat toleransi di dalam semua lapangan, sama ada berkaitan di dalam perkara-perkara berhubung dengan bangsa (race), agama, kebudayaan atau politik. Semangat ini bukan sahaja dikekalkan sebegini tetapi mesti dipupuk dengan lebih giat. Ini adalah menampakkan kepada tujuan matlamat mencapai perpaduan negara dan integrasi kebangsaan. Dasar Ekonomi Baru adalah juga dirangkaan dengan pandangan dan tujuan begini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pernah membangkitkan perkara sedemikian di dalam Dewan yang mulia ini apabila saya menyarankan bahawa pencapaian perpaduan negara adalah dan semestinya menjadi teras dan ketunggalan tumpuan kita. Saranan ini wajarlah diulang-ulangkan disebabkan pada

setengah-tengah masa, matlamat yang diisytiharkan ini hanya merupakan percakapan dibibir oleh sekelompok orang. Masa depan negara kita adalah berkegentingan dan kalau langkah-langkah tidak diambil menyuburi semangat toleransi dan kesederhanaan, maka anak-cucu kita akan menghadapi masalah-masalah yang lebih besar dari apa yang kita hadapi hari ini. Dalam pada ini, saya hendak berbicara sepatah dua perkataan tentang bahaya berselindung yang dihadapi negara iaitu bahaya ekstremisma yang mengambil bentuk di dalam perkara-perkara berhubung dengan bangsa, agama, kebudayaan dan politik. Bahaya ini adalah tajam dan halus (subtle) disebabkan ia berkembang dan merebak perlahan-lahan dengan tidak disedari dan ketahuhi sepenuhnya kejadiannya. Ini adalah merbahaya oleh kerana ia dapat meracuni otak anak-anak muda kita, yang kita berharap dapat diasuhkan dengan suatu warisan negara yang bersatupadu dan makmur di mana rakyat Malaysia mempunyai sikap saling persefahaman, muhibbah dan toleransi bangsa. Kalau otak muda-mudi kita, sama ada di peringkat sekolah atau universiti, tidak terbebas dari prasangka-prasangka bangsa (race) dan lain-lainnya, tetapi telah diracuni, dan dengan pandangan sempit, maka harapan tersangat kita, untuk menyatukan berbagai rakyat menjadi satu negara berpadu akan musnah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kejar-mengejar mencapai apa yang dapat dilihat (in our haste to achieve the tangibles), iaitu kemakmuran ekonomi, penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, kita mestilah tidak melupakan bahawa terdapat perkara-perkara yang sama penting, kalau tidak lebih penting. Pada pandangan saya, yang mustahak sekali adalah pengekalan dan pemupukan suatu sikap toleransi di kalangan rakyat berbagai bangsa, agama dan kebudayaan. Kalaulah rakyat kita tidak dapat bertolak-ansur di dalam hubungan bangsa, agama atau kebudayaan, maka kita tidak akan dapat berharap mencapai matlamat perpaduan negara yang merupakan teras dan mengatasi lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya menghuraikan gejala ekstremisma yang pada pandangan saya berada di kalangan masyarakat kita hari ini. Yang pertama berhubung dengan kaum. Tidak syak lagi polarisasi kaum telah meningkat darjat hari ini. Saya tidak walau

satu saat pun, menyatakan bahawa keadaan ini sudah buruk. Tetapi bagi semua kita yang bertegak dan bernilai toleransi kaum dan persefahaman, tanda-tanda racialisma yang wujud sekarang adalah membimbangkan. Rakyat secara disadari atau tidak, telah berulang kali diperingkatkan oleh pengantaran umum (mass-media) dan juga ucapan-ucapan politik bahawa mereka adalah Melayu, China atau India. Dalam pada ini akhbar-akhbar tempatan boleh bermain peranan yang lebih giat, bagi memupuk di dalam otak-otak rakyat Malaysia suatu kesedaran ala Malaysia (Malaysian consciousness) dan supaya menyoong memupuk suatu identiti ke Malaysian. Misalnya, terdapat kecenderongan (tendency) bagi akhbar-akhbar Melayu bertumpuan sebahagian besarnya kepada pembaca-pembaca Melayu dan berita-berita sekitar masyarakat Melayu. Walau pada hari ini akhbar-akhbar Melayu adalah dibaca bukan sahaja di kalangan pembaca-pembaca Melayu tetapi oleh rakyat Malaysia yang lain. Seterusnya akhbar China dan Tamil hanya menumpukan pembacaan di kalangan pembaca kaum masing-masing. Universiti-universiti dan juga tempat-tempat pelajaran tinggi merupakan tempat buaian bagi mewujudkan bakal pemimpin-pemimpin kita. Tetapi tidaklah dapat dinafikan pada bahawa polarisasi kaum berujud di tempat-tempat ini dengan darjat yang berbeza-beza.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada pihak-pihak berkenaan supaya meneliti dan mengkaji perkara-perkara ini untuk memberhentikan kecenderungan-kecenderungan yang kurang sihat yang tersebut tadi.

Kita bersyukur Malaysia mengamalkan kebebasan beribadat. Tempat-tempat beribadat seperti masjid, rumah berhala, kuil, gereja dan lain-lainnya kelihatan di sekitar tanahair kita. Kadang-kadang kita terlupa akan kebebasan yang dinikmati, hanya kemudiannya diingati oleh pelawat-pelawat asing ke negara kita tentang kebebasan ini. Warisan ini—nilai tinggi kebebasan beragama dan sikap bertolak-ansur telah dapat menjunungi Malaysia sebagai suatu tauladan bagi seluruh dunia. Ini adalah yang sebenarnya wajar, dipandangkan kepada hakikat bahawa masyarakat kita adalah bercorak berbagai kaum dan agama. Kebebasan ini mesti dinilai tinggi dan dipertahankan oleh semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat setengah-tengah rumah-berhala Hindu atau kuil telah diserangi dan dicemari baru-baru ini oleh sebilangan pelampau-pelampau agama. Ini adalah paling tidak menyenangkan kita, disebabkan serangan-serangan sebegini telah dilaporkan di majalah-majalah dan makalah-makalah luar negeri yang telah menimbulkan sangkaan, bahawa kononnya, kita sedang duduk di atas sebuah gunung berapi yang mungkin meletup kepada fanaticisma agama dan extremisma. Mujurnya kejadian-kejadian ini adalah merupakan kegiatan segelintir orang sahaja. Akan tetapi saya dengan sekuat boleh menyeru kepada pihak-pihak berkenaan, terutamanya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil tindakan tegas supaya memastikan kejadian-kejadian sedemikian tidak berulang. Kita mahu anak-anak kita dibesarkan dengan sikap pandangan yang adil, yang bersikap toleransi kaum dan agama. Bukan, sebagai bigots dan ahli-ahli fanatik.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, adalah berhubungan dengan sikap extremisma berkait kepada kebudayaan. Negara kita kaya dengan kebudayaan. Sebenarnya tiga kebudayaan agung di dalam dunia ini adalah diamalkan di Malaysia, iaitu kebudayaan-kebudayaan Melayu, China dan India. Kebudayaan-kebudayaan ini adalah dicerminkan di dalam pelbagai cara kehidupan, adat istiadat dan pakaian yang diamalkan dan dipakai oleh berbagai kelompok-kelompok komuniti ini. Keadaan begini telah berterusan di negara ini untuk selama-lamanya sejak rakyat berbagai kaum kita mulai hidup bersama-sama. Amalan sedemikian mesti digalakkan. Tetapi alangkah malangnya, kebelakangan masa ini terdapat sesuatu kecenderungan ke arah extremisma kebudayaan. Ini ternyata dari pokok-pokok perbincangan yang pernah diketengahkan berkenaan dengan jenis pakaian dan pakaian kepala yang boleh digunakan di dalam mesyuarat-mesyuarat dan perhimpunan-perhimpunan tertentu. Perselisihan berhubung dengan pakaian jubah konvokasi bagi graduan-graduan Universiti Teknologi Malaysia telah menyediakan kepada kita suatu contoh bagaimana suatu keputusan berkenaan dengan pakaian yang ditetapkan oleh pihak Universiti itu tanpa memperhitungkan kehendak-kehendak budaya berbagai kaum boleh mendatangkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan adalah cara hidup rakyat yang

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tuan Law H'eng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun keputusan mesyuarat mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hingga pukul 8.00 malam.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun keputusan mesyuarat mengenai waktu persidangan, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hingga pukul 8.00 malam.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang semula kebudayaan adalah cara hidup rakyat. Kita tidak boleh dan sepatutnya tidak mengenakan kebudayaan satu kelompok ke atas atau ke satu kelompok yang lain. Cara ini adalah satu-satunya dalam yang semestinya membawakan kepada penolakannya kebudayaan sedemikian.

Intergrasi kebudayaan hanya akan wujud jikalau terdapat keadaan penerimaan kebudayaan dan wujudnya kebudayaan, jikalau sahaja terdapat ketiadaan tenaga atau unsur paksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa wujudnya sikap extremismisme telah begini luas sehingga ianya telah menjadi

begitu kritikal. Malaysia sesungguhnya bertuah disebabkan kebanyakan pemimpin-pemimpin kita berbagai bangsa adalah bersikap adil, liberal dan toleran (bertolak ansur) dan juga kebanyakan rakyat kita samada Melayu, China, India dan lain-lain cukup kaya raya dengan muhibbah kaum dan saling persefahaman. Ini adalah sentiasa dan masih lagi menjadi kekuatan terbesar kita, walaupun berlaku peristiwa 13 Mei, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan ini mesti dikekalkan dengan segala sedaya upaya kita. Pada hakikatnya ia mesti diperkukuhkan supaya asas negara ini tidak digoncang oleh anasir-anasir subversive dan anti-national. Dalam pada itu, kita tidak boleh membenarkan wujudnya extremismisme dalam apa bentuk pun di dalam negara kita ini. Kita mesti memberhentikan extremismisme dalam apa bentuk pun sebelum ianya dapat menular seperti penyakit yang berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru khasnya kepada pemimpin-pemimpin kita dan mereka yang berpengaruh memperingatkan hal ini dan mengambil langkah-langkah bagi membunuh penyakit extremismisme dan fanaticisme sebelum ianya tidak dapat diubati.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Usul Terima kasih ini.

7.32 mlm.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong atas Titah Di Raja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya menyusulkan sedikit umamah negeri Perak, yang telah mewakilkan saya di Majlis ini, sebab itu saya tunggu walaupun sampai pukul 12 malam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyatakan umamah untuk mewakilkan negeri saya, saya hendak bercakap sedikit demi kepentingan keseluruhan negara kita Malaysia pada masa ini, sehingga 20 tahun akan datang dan seterusnya seratus tahun yang akan datang. Yang paling penting sekali pada pandangan saya ialah perhubungan kita dengan luar negeri. Malaysia dengan negara luar, dengan Deklarasi Kuala Lumpur yang mengutamakan dasar aman, bebas dan berkecuali dan tidak mencampuri hal ehwal

negara asing. Maka bercantumlah Asia Tenggara memasyhurkan ke seluruh Asia dan ke seluruh dunia sampai ke Persidangan United Nations di sana, pendirian kita yang bebas, aman dan berkecuali serta tidak campur mencampuri dalam urusan mana-mana negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sedikit hendak mengingatkan Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn, Perdana Menteri kita yang cekal, yang tegas, yang jujur dan paling berani. Apa yang dibawahnya sekarang adalah saya rasa menuju ke jalan yang tegas, sebagaimana yang diingatkan oleh saudara-saudara saya yang agak saya takut-takut dan samar-samar dalam negara kita ini. Yang sebenarnya tidak takut, itu hanya perkara ranting yang dibunyikan oleh orang-orang yang dikatakan sebagai lempar batu, sembunyi tangan yang membahayakan negara kita. Yang sebenarnya yang dipimpin oleh Perdana Menteri kita matlamat negara kita adalah menuju kepada aman, makmur dan bahagia serta tidak ada merosakkan sesiapa bahkan dengan penuh jujur dan ikhlas.

Saya mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, Deklarasi Kuala Lumpur ini, maka teringatlah saya bagaimana detik Deklarasi Bandung dahulu. Deklarasi Bandung yang diperlupori oleh Allahyarham Bung Karno dan jagoh-jagoh kita yang besar: Pandit Nehru, India; Nasser Presiden Mesir dan Chou En-Lai daripada Komunis China. Ini di antara 4 pemimpin yang ulang di Asia dan di Timur Tengah juga yang menyuarakan kepada dunia satu persatuan Asia yang paling ulung yang teguh dan kukuh, hormat-menghormati oleh seluruh negara dalam dunia dan ditunjukkan dengan secara praktikal, tetapi saya suka bertanya dengan jalinan sejarah negara-negara dalam dunia tahun 1955, Deklarasi Bandung itu di masyhurkan, selepas setahun dua dan lima tahun daripada itu, saya tak tahu dimanakah Deklarasi Bandung, dimanakah prinsip mereka mengatakannya bebas, bersaudara pada semua dan tidak mencampuri sebarang hal negara lain. Jadi dengan sebab itu saya hendak mengingatkan Kerajaan kita di bawah pimpinan seorang pemimpin yang amat jujur Dato Hussein Onn harus berwaspada dalam menjalin persahabatan dengan negara-negara dalam dunia ini sama ada dengan gergasi

besar mahupun beruang besar, mahupun apa-apa yang besar yang mempunyai berbagai ideologi dalam dunia ini, haruslah berwaspada; sekali lagi saya katakan, haruslah berwaspada. Sebab titik-titik sejarah telah menelurkan gambaran ini dengan nyata. Kalaulah kita salah langkah, kita akan menjadi bahaya dan menjahanamkan negara kita.

Saya suka mengingatkan satu golongan cerita lama bahawa bermufakatlah binatang-binatang di hutan, sang kancil, arnab, burung, ular, sang buaya dan semuanya bermesyuarat pada suatu hari menyatakan bagaimana kita boleh mencari perdamaian, bagaimana kita boleh hidup dalam dunia ini supaya tidak ditelan oleh beruang atau harimau yang mengintai ataupun oleh singa yang sentiasa menunggu mangsa hendak ditelan. Maka muafakatlah semua binatang-binatang hutan itu, satu persatu mencari jalan bagaimana menjaga keselamatan masing-masing, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat jangan lupa bahawa harimau memerhatikan dengan senyum sahaja, bagaimana gerak geri binatang-binatang kecil itu yang mengakui boleh berkawan, boleh tolong menolong dan boleh selamat, begitu juga singa, begitu juga serigala, begitu juga beruang, tetapi kalau ia dapat peluang, terus diterkamnya binatang-binatang kecil itu, bukan terkam sahaja malah dibunuh dan dimakan. Inilah satu ibarat besar dalam peralihan sejarah negara kita. Beringat-ingat dan berwaspada dalam perhubungan dengan negara-negara luar, istimewa negara kita menghadapi ancaman komunis sampai sekarang, bukannya baru, hari ini juga ada di dalam hutan, hari ini juga saya tak tahu berapa juta ringgit dibelanjakan dalam sebulan di negara kita ini untuk menentang bahaya ancaman subversive komunis yang menjalar ke negara kita walaupun satu masa Chou En-Lai telah menerangkan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak semasa lawatannya ke Peking, mereka tidak campurtangan dengan pengganas-pengganas komunis di negeri kita ini.

Dan sekali lagi ia mengatakan tidak campurtangan dan menghormati kemerdekaan negara kita, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pengganas komunis itu terus mengganas, pengganas komunis terus mengebom Tugu Kebangsaan apabila balik Tun Abdul Razak, terus membunuh Ketua

Polis Negara kita dan menaikkan bendera komunis di negara kita dan lain-lain perkara yang telah berlaku yang mengejutkan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak mengingatkan bahawa pengganas komunis memang ada dalam negeri kita dan sedang berlaku dan sedang kita hadapi, sebab itu sebarang hubungan kita dengan negeri-negeri luar terutama negeri-negeri komunis haruslah kita berwaspada. Janganlah sampai pisang berbuah dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hanya pengganas komunis di Malaysia sahaja yang kita hendak tentang, bukan komunis dari China. Negeri-negeri yang bersahabat dengan kita jangan disentuh.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Ya, kita bersahabat dengan negeri China, tetapi komunis tetap komunis, ideologi komunis adalah tetap dengan ideologinya kalau boleh seluruh dunia akan menjadi komunis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung sedikit atas perkara ini demi keselamatan negara kita ini dan tidak anti kepada sesiapa bahkan kita tidak salah bersahabat dengan Komunis China atau komunis mana juga tetapi kita hendaklah berwaspada, itulah yang saya hendak ingatkan.

Yang kedua, saya hendak mengingatkan berkenaan dengan negeri Perak, saya telah menonjolkan industri dalam negeri Perak bahawa patutlah diambil perhatian khasnya di dalam daerah Kuala Kangsar. Dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, saya rasa telah diluluskan satu anggaran yang dibuat oleh Penasihat Perancang Ekonomi negeri mengenai kelulusan seribu ekar tanah iaitu dalam kawasan Kuala Kangsar daripada Simpang Larin sampai ke Enggor, tetapi sehingga sekarang hanya baharu lebih kurang 80 ekar kalau saya tidak salah telah dibuka di Kuala Kangsar. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolonglah majukan industri-industri dalam negeri Perak yang saya sebutkan itu sebagaimana nasihat daripada Yunit Perancang Ekonomi negara kita,

Jalanraya daerah Kuala Kangsar sejauh 21 batu sahaja, ini ditujukan kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang telah dipersetujui pada tahun 1977 dahulu iaitu jalan sejauh 21 batu daripada Sungai Siput ke Bukit Berapit, tempat pelancungan di negeri Perak keadaan jalan di situ berlekok-lekok pecah-pecah dan perkara ini telah diberitahu dalam tahun 1977 bahawa jalan itu tidak dipakai dan akan digantikan, sebab sudah terlalu lama, Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini tolonglah betulkan terutamanya bandar Di Raja di Kuala Kangsar itu. Saya tidak menyentuh banyak berkenaan dengan negeri Perak sebab swasta-swasta dari tujuh, lapan daerah dalam Kuala Kangsar ini, saya rasa haruslah mengkaji satu persatu bagi menyesuaikan negeri Perak sebagai sebuah negeri yang memberi hasil yang banyak kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang berbalik kepada apa yang banyak dicakapkan oleh sahabat-sahabat saya Yang Berhormat dalam Dewan ini terutamanya ada menyentuh soal sensitif, yang membangkitkan perasaan wal hal mengikut prinsip Rukunegara adalah nyata. Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh soal sensitif dan beliau telah lupa akan kewajibannya patuh kepada Rukunegara dan Perlembagaan negeri kita ini. Saya rasa kalaulah kita sama-sama jujur dan ikhlas, seluruh pemimpin kita, tidak ada satu perkara pun yang kita takutkan dalam negeri kita ini bahkan kita dapat kerjasama tetapi saya perhatikan mungkin barangkali saya silap, lain yang diperkatakan, lain pula amalan yang dibuat. Inilah yang membunuh demokrasi dalam negeri kita ini, membunuh rasa persepahaman yang terjalin atas perpaduan yang ada dalam negara kita.

Salah satu contoh yang selalu disebutkan dalam Dewan ini ialah mengenai konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia. Saya amat terkejut; saya pernah juga pergi ke Eropah dan singgah di sebuah Universiti di Norwich semasa mengadakan Universiti Konvokesyen di sana, saya juga pernah pergi ke Paris; sungguhpun saya tidak masuk dalam Konvokesyen itu tetapi saya tengok dari jauh—luar; negeri itu mengikut pakaian adat istiadat anak negeri itu, biarpun berapa ribu penuntut-penuntut kita di England, walaupun 30,000 penuntut kita di sana, mereka mesti turut apa yang dibuat oleh universiti negeri itu, ikutlah cara mereka.

Tetapi di negeri ini, alangkah saya terkejut, sungguhpun ada lima buah universiti dan ada lagi institusi-institusi pengajian tinggi kita di sini, apabila membuat sesuatu acara, hendak merupakan sedikit sahaja berlainan pakaian, sudah ditegur dan diboikot, dikatakan itu perkauman—saya pun hairan, tanah air negeri saya, wahai pemimpin wahai Tuhan Yang Maha Berkuasa. Satu pakaian jubah Majlis Konvokesyen Universiti telah dipersetujukan dalam Majlis Universiti itu pun ditegur, dikatakan perkara sensitif melanggar tertibnya. Pada hal kalau kita pergi ke negeri India, mereka gunakan cara di India. Pergi ke Australia, secara adat istiadat universiti Australia, tidak pernah orang kita gaduh. Tak pernah. Katalah saudara-saudara kita penuntut-penuntut Melayu dan China pergi di sana—saya tidak pernah pergi ke Australia, tetapi saya tahu tempat Perdana Menteri kita, Dato' Hussein Onn dan bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak yang tidak dapat dimaafkan sama sekali. Apa sebab mereka tidak gaduh di sana, mengapa tidak pakai pakaian kebangsaannya sendiri. Mengapa mereka ikut peraturan universiti di sana iaitu pakaian dan cara-cara yang lain. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang selalu kita dengar “rumah sudah, pahat berbunyi”; pahat ini merbahaya. Saya hendak menyebutkan perkara ini seharusnya tidak dibangkitkan, sebab perkara kecil semacam ini tidak boleh disentuh dengan api ia boleh membakar. Saya menentang, kalau bangsa saya menyebutkan mengapa kerakyatan telah diberi dengan sewenang-wenangnya bahawa tidak ada dalam dunia ini yang memberi kerakyatan kepada bangsa lain melainkan dalam negeri ini. Sayalah orang yang pertama menentang kepada bangsa saya, jangan disebutkan perkara itu. Peraturan itu kita sudah buat demi perpaduan dan kebaikan negara kita ini, walau bangsa China dan India yang sudah mendapat kerakyatan Malaysia, tetapi nasib baik tidak ada seorang pun bangsa Melayu; maafkan saya bercakap menyebut hal ini, tidak hendak dikaji balik kerakyatan negeri ini yang menventuh isi jiwa bangsa bumiputra negeri ini. Tak pernah disebutkan.

Saya katakan itu sebagai satu contoh bahawa tidak ada sebuah negeri boleh melakukannya. Saya pun telah pergi ke meratarata tempat tidak terdapat kerakyatan diberi sebegini mudah dan tidak pernah diperkatakan. Kita beri dengan penuh kasih sayang

dan tidak pernah takut apabila hak ini diberi dan dibunuh kita balik, tidak. Inilah kejujuran yang harus diakui oleh semua rakyat negeri ini dan jangan dibangkitkan perkara-perkara yang lain—itu yang mesti diingat. Sampai sekarang kita belum pernah sekat kerakyatan ini, sebab itulah menunjukkan bumiputra penuh kasih sayang di bawah pimpinan Dato' Hussein Onn, dia tidak pernah menyebutkan perkara ini. Kalau orang-orang lain menyentuh soal universiti, tetapi Dato' Hussein Onn tidak pernah sebut sepele pun. Sebab dia fikir ini tidak guna disebutkan. Ia boleh membakar semangat, membangkitkan perasaan perkauman tidak puashati. Jadi, saya harap sahabat saya wahai kerusi-kerusi yang kosong yang menyebutkan perkara ini, sampaikanlah dalam mimpi kepadanya, sebab dia tidak ada, barangkali sudah balik.

Saya hendak menyentuh perkara yang dibangkitkan mengenai kuil Hindu. Ini pun tidak usah disebut, sebab di mana dunia pun ada orang yang fanatik sedikit, tiga empat orang yang telah melakukan perkara itu dan semuanya telah diatasi. Kerajaan kita bersikap tegas, tangkap walaupun dia orang Melayu, walau siapapun akan ditangkap orang yang merusakkan kuil ini, itu telah dijalankan oleh Kerajaan kita, mengapa disebut-sebutkan dalam Majlis ini, perkara itu perkara kecil sangat. Disebut juga tentang majallah *Far Eastern Economic Review* yang dikatakan tadi, jangan pedulikan, memang orang asing ingin hendak beri kita jahanam semua. Negeri luar, kadang-kadang di Amerika dikatakan kita ini buruk di atas pokok sampai ada yang mengatakan begitu. Jadi, tidak bolehlah, bila dikatakan buruk, kita pun melompat, biarkanlah ia pandang begitu tetapi kita mencintai negara kita kebahagiaannya dan perpaduannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan di Dewan ini tentang perkara-perkara yang semacam ini yang boleh jadi menyentuh diri kita. Saya selalu bercakap dalam Dewan ini dengan kuat tetapi bukan saya benci. Yang sebenarnya saya hendak menyatakan perasaan norani saya, sebagai Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang saya hormat, seorang penganut ugama yang kokoh, teguh. Dalam ugama yang kami anuti tidak ada hasad dengki, sebab Nabi Sulaiman ada berkata: “Baik yang paling masyhur dalam dunia

mengingatkan manusia supaya jadi baik." Nabi Sulaiman ada buat begitu. Katanya: "Kalau takbur dan sombong, berjalan dahulu kepada kejatuhan. Hasad dan dengki terbang dahulu kepada kebinasaan." Kalau kami ada perasaan hasad atau dengki, memang pergi terbang dahulu kepada kebinasaan.

Begitulah kita dalam negeri ini. Kalau ada perasaan tidak puashati sedikit, sudah jadi hasad dengki. Umpamanya ada yang membangkitkan soal MARA, UDA sudah untung-kan Melayu. Saya sendiri tahu orang Melayu tidak untung, bahkan rugi lagi, saudara kita orang Cina lebih untung. Orang Melayu asal dapat kontrek, pergi jumpa orang Cina. Saya ada bukti, kalau ada sesiapa yang mencabar di luar Dewan, saya akan buktikan. Memang benar, tetapi kita tidak gaduh, sama-sama untung, dia pun rakyat kita. Begitu juga kalau membuat jalan yang besar-besar dalam negeri, siapa yang kaya? Kami tidak pernah sebut. Yang untung semuanya sahabat-sahabat kita ini tetapi tidak mengapa kerana mereka juga rakyat Malaysia. Jadi macam mana kita hendak gaduh sedikit sebanyak, hari-hari hendak dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, padahal bukannya kita semua rakyat Malaysia? Apa hendak disebut lagi?

Tuan Yang di-Pertua, sejarah dunia menunjukkan walaupun ia sebagai satu bangsa, masih juga ada bergaduh, inikan pula kita yang terdiri dari berbagai kebudayaan dan bangsa. Lupakah saudara dalam negeri China sendiri dengan Famosa sampai kini bergaduh walaupun sama bangsa, seugama saya tidak tahu; tetapi sama sebangsa, satu negeri, sampai sekarang bergaduh daripada tahun 1927 kalau tidak silap, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu gambaran sesama bangsa bergaduh. Kita ini ada Cina, India, Melayu, jangan dibangkitkan, tentu sahaja bergaduh, tentu sahaja kacau bahkan lebih hebat daripada 13 Mei boleh berlaku. Ini senang sahaja kalau kita hendak bakar, naikkan semangat masing-masing. Macam saya kata tadi orang Melayu kalau bangun, bangkit balik, habis rakyat berbelah bahagi. Inilah yang menjahanamkan negara kita. Ini tidak pernah disebut, kalau sebut, panggil saya, saya boleh berjumpa siapa orang Melayu yang akan membangkitkan satu perasaan emosi yang bahaya ini.

Itulah saya ulang balik supaya sedar. Saya harap tidak usahlah hendak jadi jaguh politik. Politik tinggal politik. Ini mengenai kerak-yatan negara kita Malaysia, kita semua bersatu mempertahankan negara kita. Ini yang penting. Untuk hendak dapat kerusi, tidak ada makna. Kita semua percayakan Tuhan, berapa lama kita hendak hidup, tidak ada seorang hidup sampai 100 tahun. 50-60 tahun matilah, tetapi kalau buat jahat, buat kacau, rosak orang ini, jahanamkan orang ini, bakar semangat, hancur negara kita ini. Tetapi bunyi di luar cukup sedap untuk selamatkan anak cucu, tetapi kebelakangan, tengok mereka sudah buat universiti—apa mereka buat? Tengok apa mereka buat dengan MARA? Beri orang ini sahaja, atau orang Melayu pula, tengok semua siapa yang kaya-kaya, semua daripada Johor sampai ke Perlis, siapa punya bandar, tulisan apa dalam bandar itu. Hendak bakarkan semangat—senang sahaja. Ini jadi kekacauan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini hanyalah mengingatkan kerana gejala-gejala silatul-rahim kita ke seluruh dunia, sahabat apa bangsa juga, mintalah kepada Yang Amat Berhormat pemimpin agong yang kita kasihi Dato' Perdana Menteri menganalisa dengan secukupnya dan waspada. Sekali lagi waspada. Apalah gunanya kita nanti, apabila nasi sudah menjadi bubur.

Yang kedua, rakyat negeri ini, saya juga minta jangan dibangkitkan lagi gejala-gejala yang boleh membangkitkan perasaan perkauman ini. Kalau orang Melayu untung sedikit sebanyak dapat saham MARA, tidak usahlah gaduh, sebab orang Cina juga banyak yang dapat sebagai kontrektor. Tidak usah gaduh, Cina juga dapat. Saya faham dalam masalah kontrek ini tetapi itu tidak ada masalah.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya dan perasaan yang ikhlas dan penuh rasa simpati atas kehendak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada seluruh rakyat yang mengutamakan perpaduan dan keamanan bagi negara kita.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun keputusan mesyuarat mengenai waktu persidangan, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Bermormat Tuan Law Hieng Ding untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun keputusan mesyuarat mengenai waktu persidangan, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.55 malam.